

BAB SATU

BAB SATU : PENGENALAN TENTANG DAKWAH ISLAMIYYAH

Sebelum dibincangkan dengan lebih lanjut, penulis akan menjelaskan beberapa perkara berkaitan tentang dakwah islamiyyah dari sudut pengertian dakwah, hukum dakwah, asas metodologi dakwah dan sasaran dakwah.

1.1 Pengertian Dakwah

Perkataan *dakwah* adalah perkataan Arab yang berasal dari kata dasar *Da'a*, *Yad'u* masdarnya (nama terbitan) ialah *Al-Da'wa* dan *Dua'* manakala dakwah adalah *ism* yang bererti seruan, panggilan dan ajakan.¹¹ Maksud dakwah disini ialah seruan kepada seluruh manusia terhadap sesuatu perkara dan menggalakkan mereka bagi mendapatkan sesuatu hasil.¹² Ini jelas dapat dilihat dalam firman Allah s.w.t;

وَاللَّهُ يَدْعُ إِلَى دَارِ السَّلَامِ

Maksudnya: Allah menyeru (manusia) kepada kampung selamat (syurga)

Surah Yunus (10) : 25

Berdasarkan kepada firman Allah s.w.t di atas, ahli tafsir menjelaskan bahawa Allah menyeru manusia supaya patuh dan taat bagi mendapatkan tempat yang selamat iaitu syurga kerana sesiapa yang berada di dalamnya akan selamat dari kesengsaraan.

¹¹ Louis Ma'luf (1927), *al-Munjid Fi al-Lughah Wa al-Adab Wa al-Ulum*, cet xix. Beirut : Al-Maktabah al-Khatulikiyyah, h. 216

¹² Dr. Abd. al-Na'im Muhammad Husnīn (1984M/1405H), *al-Da'wah Ilā Allāh 'Alā Basīrah*, cet 1. Kaherah : Dār al-Kitāb al-Misr, h. 17

Oleh itu dakwah dari sudut bahasanya bererti *al-Nida'* iaitu seruan dan menuntut supaya menyempurnakan urusan masyarakat atau bekerjasama melaksanakannya.¹³

Selain dari itu dakwah juga diertikan sebagai memohon dengan merendah diri kepada Allah s.w.t, cenderung untuk melakukan kebaikan, meminta, mendesak, menjemput, suka dan kasih kepada Allah s.w.t¹⁴ serta galakan untuk melaksanakan sesuatu kehendak atau tujuan.¹⁵

Menurut Encyclopedia of Islam, dakwah mengikut pandangan agama ialah seruan yang ditujukan kepada manusia oleh Allah dan rasulNya supaya percaya dan yakin kepada agama sebenar iaitu Islam. Agama suci ini adalah satu-satunya agama para nabi dan rasul. Setiap mereka berkewajipan menjalankan dakwah kepada seluruh manusia. Risalah nabi Muhammad adalah lanjutan dari dakwah rasul-rasul yang sebelumnya dan dikenali sebagai dakwah al-Islam atau dakwah al-Rasul.¹⁶

Dalam memberi definisi dakwah secara terperinci, para cendekiawan Islam telah mengemukakan pelbagai pengertian mengikut pendapat masing-masing. Antaranya Abd. Karim Zaydan menyatakan dakwah ialah mengajak manusia kepada jalan Allah s.w.t.¹⁷

¹³ *Ibid*

¹⁴ Batrās al-Bustani (1386H/1970M), *Kitāb Muhiṭ al-Muhiṭ*, Jil. 1. Beirut: Maktabah Lubnani, h. 657

¹⁵ Ibu Manzūr, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukram (t.t), *Lisān al-Arāb*, Jil. viii. Misr: Dār al-Misriyyah, h. 283

¹⁶ M.Canord (1965), *Encyclopedia of Islam*, vol 2, Leiden: E.J.Brill, h. 168

¹⁷ 'Abd. al-Karim Zaydan (1392H/1972M), *Usul al-Da'wah*, cet 2. Baghdad Matba'ah Salman al-'Azmi, h. 471

Menurut Syalabi, dakwah ialah gerakan membawa atau mengubah masyarakat daripada keadaan kufur kepada iman, dari kegelapan kepada cahaya, dari keadaan sempit kepada keadaan lapang, di dunia dan di akhirat.¹⁸

Menurut Ali Mahfuz pula, dakwah ialah usaha untuk memberi dorongan kepada manusia ke arah melakukan kebaikan, untuk mendapat petunjuk Allah, menyuruh melakukan perkara-perkara makruf (kebaikan) dan melarang daripada perkara-perkara yang munkar (kejahanatan) supaya mereka berjaya mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.¹⁹

Dr Musleh Sayyid Bayumi menjelaskan bahawa dakwah ialah satu usaha untuk menyelamatkan manusia dari kesesatan atau kejahanatan dan mengingatkan mereka supaya menjauhkan diri dari perkara yang boleh menyebabkan mereka mendapat balasan azab Allah s.w.t.²⁰

Adam Abdullah al-Aluri pula mengatakan maksud dakwah ialah memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran yang berdasarkan aqidah kerana dakwah merupakan satu seruan bagi menyelamatkan manusia dari kesesatan yang hampir-hampir mereka terjerumus ke dalamnya.²¹

¹⁸ Syalabi, Dr. Ahmad (1396H/1976M), *Sikologiah al-Ra'i wa al-Da'wah al-Du'at*. Kaherah: Maktabah al-Azhar, h. 1

¹⁹ 'Ali Mahfūz (1399H/1979M), *Hidayah al-Mursyidīn 'alā Turūqi al-Wa'z Wa al-Khitābah*. T.T.P: Dār 'Atisam, h. 17

²⁰ Dr. Musleh Sayyid Bayumi (1396H/1976M), 'Ud'u llā Sabil Rabik bi al-Hikmah Wa al-Maw'izah al-Hasanah Wajādilhum bi al-Lati Hiya Ahsan. Kaherah: Matba'ah Hassan, h. 8

²¹ Al-Aluri, Adam 'Abd Allah (1979), *Tarikh al-Da'wah al-Islāmiyah min al-Amīn llā al-Yawm*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 17

Muhammad al-Ghazali berpendapat bahawa dakwah adalah satu perancangan yang lengkap dan mencakupi semua peringkatnya, mengandungi ilmu pengetahuan yang diperlukan manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka.²²

Yusuf al-Qaradawi mendefinisikan dakwah sebagai suatu usaha membawa orang lain kepada agama Allah mengikut petunjuknya, melaksanakan ketetapan Allah di bumi ini, mengkhususkan taat setia hanya kepadaNya, melepaskan diri dari segala kongkongan yang bukan dari Allah (taghut) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditetapkan haknya oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkaran serta berjihad pada jalanNya.²³

Berdasarkan definisi yang telah diberikan, dapat dibuat kesimpulan bahawa dakwah ialah usaha yang dilakukan bagi menarik manusia mengikut jalan Allah. Ia bukan hanya laungan yang tidak menentu tetapi ia merupakan satu seruan yang terancang. Usaha dakwah mencakupi semua bidang kehidupan manusia meliputi fizikal dan spiritual, tidak terhenti setakat membina individu sahaja malah untuk mewujudkan satu ummah yang kukuh, bersatu padu dalam menegakkan amar makruf dan nahi munkar.

Terdapat juga perkataan-perkataan lain yang menunjukkan pengertian yang sama dengan dakwah. Antaranya ialah *al-irsyad* yang bererti memberi petunjuk

²² Muhammad al-Ghazali (1981), *Ma'a Allāh*. Beirut: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 17

²³ Yusuf al-Qaradawi (1983), *Thaqāfah al-Da'iyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 1

kepada manusia mengikut lunas-lunas yang betul dan menggalakkan mereka melakukan kebaikan serta memberi peringatan terhadap perkara-perkara kejahatan. Perkataan lain ialah *al-Wa'z* yang bererti memberi nasihat yang baik supaya dapat menawan hati seseorang untuk menerima kebenaran dan melakukan amalan yang hak. Ada pula yang disebut sebagai *al-Tazkir* yang bererti memberi galakan kepada hamba-hamba Allah agar mengingatiNya dan bersyukur terhadap nikmat yang dianugerahkan. Selain dari itu perkataan *al-Tabligh* yang bererti menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh manusia dan menjalankan kehidupan berdasarkan kepada syariat Allah.²⁴

Dari pandangan yang dikemukakan oleh cendikiawan dapat difahami bahawa dakwah itu bukan sekadar laungan yang tidak menentu tetapi merupakan satu seruan yang terancang. Tegasnya, dakwah itu ialah usaha-usaha yang dirancang dengan baik bertujuan untuk membawa manusia supaya mengetahui tujuan hidup bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang menerangkan pengertian dakwah yang dimaksudkan itu. Antaranya seperti berikut ;

- ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلُهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَخْسَنُ إِنْ رَبِّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ (١٢٥)

²⁴ Al-Aluri, Adam 'Abd Allah (1979), *op.cit* . h. 17-18

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk,

Surah Al-Nahl (16) : 125

2. *لَكُلُّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مِنْسَكًا هُمْ تَأْسِكُوهُ فَلَا يُنَازِرُونَكَ فِي الْأَمْرِ وَادْعُ إِلَى رَبِّكَ
إِنَّكَ تَعْلَمُ هُدًى مُّسْتَقِيمٍ (٦٧)*

Maksudnya: Bagi tiap-tiap umat, Kami ada satu syariat yang tertentu untuk mereka ikuti dan jalankan, maka janganlah ahli-ahli syariat yang lain membantahmu dalam urusan syariatmu; dan serulah (wahai Muhammad) umat manusia kepada agama Tuhanmu, kerana sesungguhnya engkau adalah berada di atas jalan yang lurus.

Surah Al-Hajj (22) : 67

3. *وَمَنْ أَخْسَنُ قَوْلًا مِّنْ دُعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ (٣٣)*

Maksudnya: Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang salih, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"

Surah Fussilat (41) : 33

4. *وَالَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَفْرُخُونَ بِمَا أُنزَلَ إِلَيْكَ وَمِنَ الْأَخْرَابِ مَنْ يُنَكِّرُ
بَغْضَتَهُ قُلْ إِنَّمَا أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا أُشْرِكُ بِهِ إِلَيْهِ أَدْعُو وَإِنَّمَا مَأْبِ* (٣٦)

Maksudnya: Dan orang yang Kami berikan Kitab, mereka bersukacita dengan apa yang Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad), dan di antara beberapa kumpulan dari orang itu ada yang mengingkari sebahagiannya. Katakanlah: "Sesungguhnya aku hanya diperintahkan supaya menyembah Allah, dan supaya aku tidak mempersekuatNya dengan sesuatu yang lain: kepada-Nyalah aku menyeru (manusia semuanya untuk menyembah-Nya), dan kepada-Nyalah tempat kembaliku (dan kamu semuanya untuk menerima balasan);

Surah Al-Ra'd (13) : 36

Kempar-empat ayat tersebut memberi pengertian yang sama tentang dakwah iaitu usaha membawa manusia kepada agama Allah.

Sebagai kesimpulannya, didapati bahawa pengertian dakwah banyak digunakan untuk maksud seruan, ajakan, usaha dan tindakan bagi mempengaruhi dan menarik manusia dalam bentuk yang berbagai-bagai yang boleh disalurkan kepada sasaran supaya beriman kepada Allah tanpa adanya unsur-unsur paksaan dan merealisasikan ajaran Islam dalam kehidupan dunia untuk mencapai keredhaanNya. Jelasnya, dakwah dalam konsep yang luas mencakupi semua bidang kehidupan manusia dan usaha-usaha dakwah perlu dirancang dengan teliti supaya ianya lebih efektif.

1.2 Hukum Dakwah

Ulama berbeza pendapat dalam menentukan hukum dakwah samada ianya fardu ain atau fardu kifayah. Pendapat yang kuat ialah ulama yang mengatakan hukum dakwah itu fardu ain. Ini berdasarkan hujah-hujah berikut;

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلْغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَةَ اللَّهِ
يَعِصِّمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ (٦٧)

Maksudnya : Wahai Rasulullah ! Sampaikan apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka tidaklah engkau menyampaikan perutusanNya dan Allah jualah akan memeliharamu dari kejahatan manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat petunjuk kepada kaum yang kafir.

Surah Al-Maidah (5) : 67

Ayat ini adalah perintah yang tegas kepada Rasulullah s.a.w agar beliau menyampaikan segala pengajaran dan penjelasan apa yang diturunkan oleh Allah secara sempurna.²⁵ Justeru itu al-Sayyid Nawfal menjelaskan, oleh kerana nabi Muhammad s.a.w dipertanggungjawabkan dengan tugas menyampaikan agama Allah, maka umatnya juga dipertanggungjawabkan dengan tugas ini. Nabi s.a.w adalah contoh yang mesti diikuti oleh umatnya.²⁶

²⁵ Sayyid Qutb (1972), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Syūrīq, h. 938

²⁶ Al-Sayyid Nawfal (1977), *Al-Da'wah Ila Allāh Ta'āla: Khasaisuha Muqawwimatuha Ma'nāhijuhā*. Kaherah: T.P., h. 30

2. اذْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحَكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ (١٢٥)

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk.

Surah Al-Nahl (16) : 125

3. وَلَا يَصُدُّكُمْ عَنِ آيَاتِ اللَّهِ بَعْدَ إِذْ أَنْزَلْتُ إِلَيْكُمْ وَإِذْ أَذْعُ إِلَى رَبِّكُمْ وَلَا ئَكُونُنَّ
مِّنَ الْمُشْرِكِينَ (٨٧)

Dan serulah manusia kepada (agama) Tuhanmu; dan janganlah engkau menjadi dari golongan yang menyertai orang musyrik

Surah Al-Qasas (28) : 87

Meskipun perintah Allah Ta'ala dalam ayat ini ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. tetapi maksudnya ditujukan kepada umatnya supaya mereka tetap di atas dasar tauhid dan jangan menyeleweng ke jurang syirik.²⁷ Berdasarkan dua ayat di atas, golongan ini memberi hujah bahawa Nabi Muhammad s.a.w diperintahkan secara khusus berdakwah. Maka orang Islam juga diperintahkan supaya melaksanakan tanggungjawab tersebut kerana ia tidak termasuk ke dalam perkara yang khusus bagi Nabi s.a.w sahaja.²⁸

²⁷ Sheikh Abdullah Basmeih (1992), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri, h.1028

²⁸ Abd. al-Karim Zaydan (1976), *Usul al-Da'wah*, Kaherah: Maktabah al-Manār al-Islamiyah, h. 298

كُلُّهُمْ خَيْرٌ أَمَّةٌ أَخْرَجَتْ لِلنَّاسِ أَمْرُوْنَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ وَلَمْ يَأْمُنْ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ (١١٠)

Maksudnya : Kamu (wahai umat Muhammmad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia kerana kamu menyuruh berbuat baik dan melarang daripada perkara yang salah serta kamu pula beriman kepada Allah.

Surah Ali-Imran (3) : 110

Ayat ini menjelaskan tentang umat Muhammad s.a.w yang merupakan sebaik-baik umat dan ditugaskan menyuruh makruf dan menegah munkar. Dakwah adalah yang mula-mula sekali termasuk ke dalam tugas tersebut.²⁹ Ini diperkuatkan oleh Abu 'Ala al-Maududi yang mengatakan perlaksanaan amar makruf dan nahi munkar adalah merupakan tugas manusia dimuka bumi ini sesuai dengan perlantikan mereka sebagai khalifah.³⁰

5. قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنْ أَتَبِعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنْ
الْمُشْرِكِينَ (١٠٨)

Maksudnya : Katakanlah (wahai Muhammad); inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata dan aku menegaskan Maha Suci Allah dan bukanlah aku dari golongan yang memperseketukan Allah dengan sesuatu yang lain.

Surah Yusof (12) : 108

²⁹ Abd. al-Karim Zaydan (1976), *Ibid*, h. 298-299

³⁰ A. Hajsmi (1987), *Dimanakah letaknya Negara Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 21

Ayat tersebut menyeru kepada sesiapa sahaja yang mengikut Nabi Muhammad s.a.w. supaya melaksanakan tugas yang dilaksanakan oleh Nabi s.a.w kerana ayat tersebut memerintahkan supaya berbuat demikian.³¹

لُعْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاؤُودَ وَعَيْسَى ابْنُ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا 6.
وَكَانُوا يَعْتَدُونَ (٧٨) كَانُوا لَا يَتَتَاهُونَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوْهُ لِبِسْ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (٧٩)

Maksudnya: Orang-orang kafir Yahudi dan Bani Israel telah dilaknat melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tilak melarang sesama sendiri dari perbuatan mungkar yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah lakukan.

Surah Al-Maidah (5) : 78-79

Berhubung dengan ayat di atas Sayyid Qutb mengatakan bahawa Islam mengambil berat kewajipan menuaikan amanah (dakwah) dan mengenakan hukuman ke atas anggota masyarakat apabila mereka mengambil sikap berdiam diri dan menutup mulut terhadap kemungkaran.³² Oleh itu, di antara sebab Bani Israel dilaknat ialah kerana mereka tidak bersikap menegah kemungkaran yang berlaku di hadapan mereka.³³

³¹ Al-Sabuni, Muhammad Ali (1981), *Mukhtasar Tafsīr Ibn Katūr*, Jil. 2, Beirut: Dār al-Wur'an, h. 265

³² Sayyid Qutb (1972), *op.cit*, h. 952

³³ Al-Sabuni (1981), *op.cit*, h. 538

Berdasarkan ayat-ayat yang telah disebutkan, kebanyakan ulama mengambil kesimpulan bahawa adalah satu tuntutan besar yang mesti dilakukan oleh setiap orang Islam kerana ayat-ayat tersebut menyeru setiap orang Islam berbuat demikian.

Hukum dakwah menjadi fardu ain boleh dilihat juga menerusi hadis-hadis Nabi s.a.w. Antaranya adalah seperti berikut;

1. لِيُلْعَنَ الشَّاهِدُ الْغَايِبُ فَإِنَّ الشَّاهِدَ عَسَى أَنْ يُلْعَنَ مِنْهُ أَوْ عَنْهُ

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang hadir itu hendaklah menyampaikan kepada orang-orang yang tidak hadir. Boleh jadi, orang yang tidak hadir itu menyampaikan perkhabaran dari Nabi saw kepada yang lebih sedar daripadanya sendiri.³⁴

Hadis di atas dengan jelas memerintahkan sesiapa sahaja yang mengetahui tentang agama ini supaya memberitahu kepada orang lain dan tidak boleh menjadi alasan untuk tidak berdakwah kerana Islam mewajibkan setiap orang Islam belajar.

Dalam hal ini Abdul Karim Zaydan turut menyatakan bahawa menyeru ke jalan Allah adalah wajib ke atas setiap muslim dan muslimah yang boleh dilaksanakan secara individu atau secara berjamaah (organisasi). Sejarah telah membuktikan bahawa Rasulullah memerintahkan orang-orang Islam supaya berhijrah ke Madinah untuk mengukuhkan kedudukan kaum muslimin yang ada di sana.

³⁴ Al-Bukhārī, Abu Abdullah Muhammad ibn Ismail ibn Ibrahim (1984), *Sahih al-Bukhārī*. Kitab korban, no. hadith 5124

Keadaan ini memudahkan lagi Rasulullah menguruskan kedudukan mereka dan membentuk mengikut acuan Allah.³⁵

2. بلغوا عني ولو اية وحدثوا عن بني اسرائيل ولا حرج ومن كدب على
متعبدا فليتبوء مقعدة من النار

*Maksudnya: Sampaikanlah dari aku kepada sesiapa walaupun satu ayat dan beritahu mengenai keburukan Bani Israel tanpa rasa berat. Barangsiapa membohongi ke atas aku dengan sengaja maka bersediaalah untuk masuk neraka.*³⁶

Hadis tersebut dengan jelas menerangkan bahawa walaubagaimana sedikit pun pengetahuan agama yang dipelajari oleh seseorang itu, ia perlu disampaikan pula kepada orang lain kerana ia adalah kewajipan yang harus dipikul oleh setiap muslim.

3. من راي منكم منكرا فليغيره بيده فان لم يستطع فبلسانه فان لم
يستطع فقلبه وذلك اضعف الامان

*Maksudnya: Sesiapa yang melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya (kuasa). Jika ia tidak berkuasa berbuat demikian maka hendaklah ia mengubahnya dengan lidahnya. Jika dengan itu juga ia tidak berkuasa maka hendaklah dengan hatinya tetapi itu merupakan selemah-lemah iman.*³⁷

³⁵ Abd. al-Karim Zaydan (1972), *op.cit.* h. 300-301

³⁶ Ibn Hajar, Ahmad ibn Ali ibn Hajar (t.t), *Fath al-Bari*. Jil. 6, Riyad: Ritard al-Hadith. h. 496

³⁷ Al-Bukhārī (1984), *op.cit.*, Kitāb Jumaat, no. hadith 903

Dalam mentafsir hadis tersebut, al-Qurtubi menjelaskan bahawa menyuruh makruf dengan menggunakan tangan (kuasa) mesti dilakukan oleh pemerintah, dengan lidah oleh ulama sedangkan hati sahaja oleh orang awam yang bersikap lemah.³⁸

Dalam hal ini Fathi Yakan menjelaskan bahawa pada masa kini tidak ada kerajaan yang melaksanakan syariat Islam yang syumul dalam sistem pemerintahan. Pada hakikatnya melaksanakan syariat Allah merupakan suatu kewajipan ke atas setiap individu muslim dan ia tidak dapat dilakukan kecuali dengan melalui sebuah kerajaan atau kuasa pemerintahan. Justeru itu berusaha untuk menubuhkan kerajaan adalah penting bagi melaksanakan syariat Islam.³⁹ Bagaimanapun, menegah kemungkaran itu perlu juga dilakukan oleh setiap orang mengikut kemampuan masing-masing walaupun dengan hati sahaja. Sekurang-kurangnya ia menolak kemungkaran itu dengan hatinya kalau ia mahu dianggap oleh Allah sebagai seorang yang masih mempunyai iman walaupun iman yang paling lemah.

4. جاهدوا المشركين باموالكم وابدئكم والستكم

Maksudnya: Berjuanglah menentang orang-orang musyrik dengan harta benda kamu, tangan kamu dan lidah kamu.⁴⁰

³⁸ Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr ibn Farah al-Ansari al-Kharjī al-Andalusi (t.t), *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*, Jil. 4. Beirüt: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabi, h. 49

³⁹ Fathi Yakan (1977), *Kaifa Nad'u Ila al-Islām*. Beirüt: Muassasah al-Risālah, h. 15-16

⁴⁰ Al-Sayuti , Jalal al-Din Abd. al-Rahman (1964), *Sunan al-Nasai Wa Ma'ahu Zahrah al-Ruba*, Jil. 6. Mesir: Dar al-Misriyyah, h. 7

Hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa setiap orang Islam mesti berjihad melawan orang-orang musyrik dengan harta benda, kekuasaan dan mulut. Daripada hadis yang telah dikemukakan dapat dibuat kesimpulan bahawa perintah yang tersebut dalam hadis-hadis itu terkena ke atas setiap orang Islam tanpa berkecuali. Dengan itu, setiap orang mesti melaksanakan tanggungjawab tersebut mengikut kemampuan masing-masing.

Berdasarkan hujah-hujah yang jelas dan tepat, kewajipan menjalankan dakwah adalah fardu ain dan bukan hanya terletak pada individu dan masyarakat Islam tetapi kewajipan itu juga terletak di bahu pemerintah. Pemerintah wajib menjalankan, menyusun dan mengatur perjalanan dakwah supaya terjamin kejayaannya. Kerajaan dalam sebuah negara Islam wajar mengambil berat dalam perkara yang berhubung dengan dakwah kerana di tangan pemerintahlah terletaknya segala kemudahan seperti radio, televisyen dan media massa yang memainkan peranan penting.

Bagaimanapun terdapat juga ulama yang berpendapat bahawa hukum dakwah adalah fardu kifayah tetapi hujah yang dibawa oleh mereka adalah lemah dan boleh dipertikaikan. Pendapat tersebut berdasarkan hujah-hujah berikut;

1. وَلَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (١٠٤)

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan dan menyuruh berbuat segala perkara

baik serta melarang daripada segala perkara yang salah dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Surah Ali Imran (3) : 104

Dalam menjelaskan ayat ini Sayyid Nawfal menginterpretasikan perkataan (مِنْكُمْ) dengan maksud (البعض) iaitu sebahagian sahaja orang-orang Islam.⁴¹ Al-Ghazali juga menyatakan, perkataan *di antara kamu* (مِنْكُمْ) dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa perintah tersebut ditujukan kepada sebahagian daripada orang Islam sahaja.⁴² Dalam hal ini, al-Qurtubi menyatakan, menyuruh yang makruf dan mencegah yang munkar itu fardu kifayah.⁴³ Al-Syawkani pula menjelaskan perintah tersebut khusus kepada ahli ilmu yang mengetahui tentang apa yang ditegah dan apa yang disuruh.⁴⁴ Ini bermakna perintah dakwah itu hanya kepada sebahagian manusia (fardu kifayah) tambahan pula tidak sesuai menjadi pendakwah sedangkan mereka jahil tentang agama.

Hujah di atas boleh dipertikaikan kerana terjemahan perkataan (مِنْكُمْ) dengan maksud *daripada kamu* dan memberi erti (البعض) adalah tidak tepat kerana ada di kalangan ulama yang tidak berpendapat demikian. Mengikut Muhammad Abduh,, perkataan (مِنْكُمْ) bukan bererti *daripada kamu*. Ia sebagai satu tambahan bagi menjelaskan perintah selepasnya. Dengan yang demikian perintah dalam ayat tersebut,

⁴¹ Al-Sayyid Nawfal (1977), *op.cit.* h. 2

⁴² Al-Ghazali (1981), *Ma'a Allāh*. Beirut: Dār al-Ihya' al-Turāth al-'Arabi, h.17

⁴³ Al-Qurtubi (t.t), *op.cit.* h. 165

⁴⁴ Al-Syawkani, Muhammad ibn Ali ibn Muhammad (1964), *Fath al-Qadir*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 369

iaitu tanggungjawab dakwah adalah kepada semua orang. Ia tidak tertentu kepada sesuatu golongan sahaja. Bandingannya sebagaimana penjelasan Allah dalam surah al-Maidah ayat 78-79 yang maksudnya ditujukan kepada umum.⁴⁵

2. **وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لَيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِتَتَقَهَّصُوا فِي الدِّينِ وَلِيُذْرِعُو قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَخَدِّرُونَ (١٢٢)**

Maksudnya: Dan tidaklah betul orang-orang yang beriman keluar semuanya berperang; oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka supaya orang-orang yang tinggal itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaum mereka yang keluar berjuang apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga.

Surah Al-Taubah (9) : 122

Dalam menghuraikan ayat di atas, al-Qurtubi menjelaskan bahawa jihad itu fardu kifayah, bukan fardu ain kerana ada orang yang dimestikan keluar berjihad dan ada orang yang dimestikan belajar mendalam ilmu.⁴⁶

Jika dilihat dengan teliti ayat tersebut tidaklah menunjukkan bahawa dakwah itu hanya ditentukan kepada golongan berilmu sahaja kerana berjihad itu merupakan sebahagian kerja-kerja Islam atau laluan dakwah. Dengan demikian, jihad merupakan

⁴⁵ Muhammad Rashid Ridā (t.t), *al-Qur'ān al-Hakīm al-Shāhīr bi Tafsīr al-Manār*, j.4. Beirut:Dār al-Ma'rīfah al-Tab'ah al-Thāniyah, h. 27

⁴⁶ Al-Qurtubi (t.t), *op.cit*. h. 293

salah satu cara berdakwah, khususnya pada masa Nabi saw kerana Perang Badar (2H), Perang Ahzab (5H), Pembukaan Mekah (8H) dan lain-lain merupakan perang yang bermotif dakwah.

Dr. Mahyuddin Abdul Halim menjelaskan, sesiapa yang sedar tidak boleh mengingkari peranan yang jelas yang dimainkan oleh jihad di dalam dakwah. Peperangan-peperangan yang berlaku pada masa Nabi merupakan sebesar-besarnya unsur dakwah kepada perkembangan Islam. Perang dalam pembukaan kawasan yang berdasarkan Islam merupakan laluan kepada dakwah Islamiah.⁴⁷

Oleh itu, ayat tersebut menuntut sebahagian orang supaya keluar berperang dan sebahagian yang lain supaya mendalami ilmu untuk diajar kepada orang yang terpaksa keluar berperang. Dari sini dapat dilihat bahawa semua bertanggungjawab dan bekerja untuk kepentingan Islam. Tegasnya ayat tersebut tidak membebaskan tuntutan dakwah bagi setengah golongan malah ia menunjukkan kepelbagaiannya kerja di dalam dakwah mengikut keperluan dan kemampuan masing-masing.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا عَلَيْكُمْ أَنفُسُكُمْ لَا يَضُرُّكُمْ مَنْ حَذَلَ إِذَا احْتَدَمْتُمْ إِلَى اللَّهِ مَرْجِحُكُمْ حَمِيمًا فَبِنِعْكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (١٠٥)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah sahaja diri kamu (dari melakukan sesuatu yang dilarang Allah). Orang-orang yang sesat tidak akan mendatangkan mudarat kepada kamu

⁴⁷ Dr. Mahyuddin 'Abd al-Halim (1980), *Al-'Ilām al-Islami wa Tatbiqatuhu al-'Amaliyah*. Mesir: Maktabah al-Khanaji, h. 164-165

apabila kamu sendiri telah mendapat petunjuk. Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya kemudian dia akan menerangkan kepada kamu (balasan) bagi apa yang kamu lakukan

Surah al-Maidah (5) :105

Ayat di atas menyeru orang Islam supaya menjaga diri dari melakukan maksiat. Ayat ini juga menerangkan bahawa orang-orang yang sesat itu tidak boleh berbuat apa-apa terhadap orang yang telah diberikan hidayat.⁴⁸ Hujah ini diertikan bahawa tanggungjawab dakwah tidak ada bagi seseorang yang telah diberikan hidayat.⁴⁹ Ibn Majah telah menyebut bahawa Abu Bakar al-Siddiq sendiri menolak kefahaman seperti itu dari ayat tersebut.⁵⁰

Daripada hujah-hujah yang telah diberikan bagi menentukan hukum dakwah didapati bahawa hujah yang mengatakan dakwah adalah fardu ain adalah jelas dan tepat. Maka pendapat yang mengatakan dakwah itu fardu ain mengikut kemampuan masing-masing adalah lebih tepat. Tambahan pula hujah yang mengatakan hukum dakwah adalah fardu kifayah boleh dipertikaikan dan tidak tepat. Jelasnya, dakwah adalah suatu tuntutan yang besar yang mesti dilakukan oleh semua pihak mengikut kemampuan dan bidang masing-masing.

Bagi Sayyid Nawfal, tidak ada halangan baginya untuk menentukan hukum berdakwah itu fardu ain atau fardu kifayah. Dakwah menjadi fardu ain memberi erti

⁴⁸ Abd al-Karim Zaydan (1976), *op.cit.* h. 304

⁴⁹ *Ibid*

⁵⁰ Ibn Majah, Abu Abdullah Muhammad ibn Yazid (t.t), *Sunān Ibn Majah*, j. 2. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth, h. 1327

setiap individu muslim diwajibkan mengajar serta menjelaskan Islam kepada orang-orang yang masih jahil tentang perkara asas dan menjadi kewajipan kepada setiap individu megetahuinya. Menurut beliau ia menjadi fardu kifayah sekiranya menyediakan para pendakwah dan dipertanggungjawabkan kepada mereka sepenuhnya untuk mengendalikan urusan dakwah.⁵¹

Pandangan Sayyid Nawfal ada persamaan dengan apa yang dikemukakan oleh Ali Mahfuz di mana kewajipan berdakwah adalah dituntut ke atas seluruh umat Islam dan jemaah Islam. Mereka telah dipertanggungjawabkan untuk menyeru ke arah kebaikan dan menegah kemungkaran serta menjaga syariat Islam. Setiap jemaah yang di anggotai oleh orang Islam wajib memperjelaskan ketinggian Islam yang sebenar, memberi petunjuk ke jalan yang lurus serta nasihat yang baik kepada manusia.⁵²

Dalam hal ini Muhammad Abduh telah membahagikan dakwah itu kepada dua bahagian. Pertama, seruan kepada seluruh manusia dan kedua ialah berdakwah di kalangan masyarakat Islam sahaja. Bahagian kedua ini berlaku dalam bentuk umum dan khusus. Semua masyarakat Islam berperanan nasihat menasihati di antara satu sama lain, bantu-membantu menegakkan syariat Allah serta mencegah perkara-perkara kemungkaran.⁵³

⁵¹ Al-Sayyid Nawfal (1977), *op.cit.* h. 31-32

⁵² Ali Mahfuz (1979), *op.cit* , h. 21-22

⁵³ Muhammad Rashid Ridā (t.t), *op.cit.* h. 27-28,

Ibn Hazm pula mengatakan tidak ada perselisihan di kalangan ulama yang mengatakan berdakwah adalah wajib ke atas setiap individu muslim. Manakala menurut Ibn Taimiyah pula, tugas tersebut adalah sebesar-besarnya tanggungjawab dalam Islam, sekiranya lalai terhadap kewajipan tersebut pihak pemerintah wajib memeranginya.⁵⁴

Muhammad Abu Zahrah mengemukakan pendapat bahawa apabila melihat kepada usaha dan tenaga yang dicurahkan oleh para sahabat dan tabi'in yang masing-masing mengambil bahagian dengan sepenuhnya terhadap usaha dakwah, maka dapat difahamkan bahawa dakwah itu fardu ain. Di samping itu ia menjadi fardu kifayah ke atas jamaah Islamiah. Dengan itu hukum dakwah ke atas setiap orang ialah kedua-duanya sekali.⁵⁵

Abdul Karim Zaydan pula menjelaskan bahawa kewajipan dakwah ke atas seseorang itu ada dua peringkat. Pertama, peringkat perseorangan yang mesti dilakukan oleh setiap orang Islam berdasarkan ia adalah muslim. Kedua, peringkat berjamaah berdasarkan ia adalah anggota kepada jamaah.⁵⁶

Berdasarkan kepada al-Quran, hadis dan beberapa pandangan cendikiawan Islam yang dipaparkan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kewajipan berdakwah adalah menjadi tanggungjawab seluruh umat Islam menurut kemampuan masing-

⁵⁴ Al-Sayyid al-Din al-Umani (t.t), *al-Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahju 'an al-Munkar*. Beirut: al-Tibā'ah al-Alamiyyah, h. 27

⁵⁵ Abu Zahrah, Muhammad (t.t), *al-Da'wah Ilā al-Islām*. Kaherah: Dār al-Fikr, h. 34-40

⁵⁶ Abd al-Karim Zaydan (1976), *op.cit.* h 300

masing. Ia adalah suatu tugas suci yang menjadi tanggungjawab setiap orang Islam. Tujuannya ialah untuk menyebarkan ajaran Islam ke seluruh dunia supaya cahaya Ilahi yang suci ini terus memainkan peranannya memerangi kemungkaran yang sentiasa menyerang fitrah manusia dan dilakukan dengan tersusun.

1.3 Asas Metodologi Dakwah

Metodologi berasal dari perkataan Inggeris “metode” yang bermaksud cara melakukan sesuatu atau sistem.⁵⁷ Penggunaan metode dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sama ertiinya.

Dalam penggunaan bahasa Arab pula, secara umumnya terdapat dua perkataan yang selalu dipakai berhubung dengan metode penyampaian dakwah iaitu *manhaj* dan *uslub*. *Manhaj* bererti jalan atau cara.⁵⁸ Menurut Ali Jarisyah, *manhaj* ialah garis perancangan dan program yang serba tersusun.⁵⁹

Perkataan *uslub* pula diertikan dengan jalan, arah tuju, aliran pemikiran dan berbagai bentuk kepandaian.⁶⁰ Menurut Kamus Dewan perkataan *uslub* bererti kaedah atau cara.⁶¹ Menurut Sayyid Nawfal pula ialah penyampaian kandungan atau isi dakwah dengan ibarat dan bentuk yang tertentu.⁶²

Dariuraian di atas dapatlah dilihat bahawa *uslub* dan *manhaj* sama ertiinya dan kedua-duanya sama dengan pengertian metode dalam bahasa Melayu dan method dalam bahasa Inggeris.

⁵⁷ *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1998), *op.cit.* h. 887

⁵⁸ Louis Ma'luf (t.t.), *Al-Munjid*, c.19. Beirut, h. 841

⁵⁹ Ali Jarisyah (1986M/1407H), *Manāhij al-Da'wat wa Asalibuhā*. Kaherah: Dār al-Wafa, h. 143

⁶⁰ Ibn Manzur (t.t.), *op.cit.* , h. 473

⁶¹ *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1998), *op.cit.* h 1026

⁶² Sayyid Nawfal (1977), *op.cit.* h. 189

Jika dirujuk kepada metodologi dalam bahasa Inggeris disebut *methodology* yang diertikan kepada sains atau kajian mengenai kaedah dalam sesuatu perkara. Menurut Kamus Dewan ia bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.⁶³

Berdasarkan pengertian tersebut metodologi dakwah itu bererti ilmu yang bersifat kajian sistematik mengenai cara dakwah. Ia juga boleh diertikan sebagai sains cara dakwah atau kajian cara dakwah. Jelasnya, uslub, manhaj dan metod dakwah ialah kebijaksanaan dalam mengolah, penggunaan bahasa dalam berbagai gaya dan membentangkan isi dakwah sesuai dengan keadaan sasaran dalam usaha memudahkan kefahaman yang hendak disampaikan serta menarik mereka menerima dakwah tersebut.

Sebagai kesimpulannya, perkataan metode, uslub dan manhaj mempunyai ikatan yang rapat antara satu sama lain kerana satu dari sudut makna. Oleh itu uslub dakwah, manhaj dakwah dan metodologi dakwah termasuk ke dalam kumpulan yang sama dari sudut pengertiannya.

Allah swt telah memberikan panduan kepada Rasulullah saw dan umatnya mengenai asas uslub, manhaj dan metode dakwah yang sesuai dan patut digunakan ketika menyampaikan dakwah. Ia berteras di atas tiga asas utama yang terkandung dalam firman Allah swt :

⁶³ Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), op.cit, h. 887

إذْ أَنْتَ إِلَيْهِ سَبِيلٌ رَّبُّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادَ لَهُمْ بِالْأَنْتِي هِيَ أَخْسَنُ إِنْ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ (١٢٥)

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk,

Surah Al-Nahl (16) : 125

Berdasarkan ayat di atas, maka dapat difahami bahawa asas utama metodologi dakwah tersebut berpaksi di atas tiga metode utama yang menuntut pendakwah memilih metode-metode yang bersesuaian dengan keadaan tempat, pemikiran, bahasa dan lain-lain dalam menyalurkan isi dakwah kepada sasaran. Ia adalah *al-Hikmah*, *al-Maw'izah al-Hasanah* (nasihat yang baik) dan *al-Mujadalah bi al-Husna* (berdialog dengan cara yang lebih baik).

2.3.1 Al-Hikmah

Salah satu daripada metode dakwah ialah al-Hikmah. Perkataan al-Hikmah diambil dari kata dasar *hakama* yang bermaksud memutuskan ketetapan. *Al-Hakam* diertikan juga dengan *al-Qada'* iaitu keputusan. *Al-Hakim* ialah orang yang membuat

keputusan iaitu orang yang benar-benar faham tentang selok-belok sesuatu perkara dan melakukannya dengan penuh teliti.⁶⁴

Para ulama dan cendikiawan Islam telah mendefinisikan al-Hikmah dengan berbagai pengertian antaranya, tepat dalam kata-kata dan perbuatan,⁶⁵ meletakkan sesuatu kena pada tempat dan keadaannya,⁶⁶ mengetahui sebaik-baik perkara dengan sebaik-baik ilmu,⁶⁷ memahami serta menghayati ilmu agama,⁶⁸ memahami kandungan al-Quran termasuk ilmu-ilmu yang berhubung dengan *nasikh* dan *mansukh*, *muhkam* dan *mutasyābih* dan seumpamanya.⁶⁹ Al-hikmah juga diertikan dengan makna sunnah.⁷⁰

Menurut al-Zamakhsyari, al-Hikmah ialah kata-kata yang tepat lagi kemas, rapi dan merupakan dalil yang dapat menjelaskan kebenaran serta menghilangkan kekeliruan.⁷¹ Begitu juga pendapat al-'Aini yang menyebut al-Hikmah menunjukkan kepada ilmu yang halus, terperinci dan kemas serta tepat di mana mengajarkannya memberikan kesempurnaan dari sudut keilmuan dan memutuskan dengannya memberikan kesempurnaan dari sudut kerja.⁷²

⁶⁴ Ibn Manzūr (t.t), *op.cit.* j. 15, h. 30.

⁶⁵ Al-Tabari, ibn Jaafar Muhammad ibn Jarir (t.t), *Tafsīr al-Tabari*, j.1, h. 337-558

⁶⁶ Abu Hayyan al-Andalusi ((t.t), *Tafsīr Bahr al-Muhiṭ*, j.1, h. 393

⁶⁷ Muhammad Hussin Fadl Allah (1972) *Uslub al-Da'wah ft al-Qur'ān*. Beirūt:Dār al-Zahra, h. 44

⁶⁸ Al-Qurtubi (1967), *op.cit.* j.4, h. 131.

⁶⁹ Ibn. Kathir, 'Imad al-Din Abu al-Fida' Ismail ibn Kathir al-Qurashi al-Dimashqi (1969), *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*, j. 1, Beirūt: Dār al-Turāth al-'Arabi, h.323

⁷⁰ *Ibid*, h.185

⁷¹ Al-Zamakhsyari, Abu al-Qasim Jar Allah Mahmud ibn 'Amr (t.t), *Al-Kashyaf 'an Haqāiq al-Tanzīl wa 'Uyun al-Aqāwil ft Wujūh al-Ta'wīl*. j. 2, Mesir: T.P. h. 435

⁷² Al-'Ayni, Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud (t.t), *Umdāt al-Qāri*. j.2. Beirūt: Dār al-Fikr, h. 58

Dari beberapa pengertian yang diberikan, dapat dilihat bahawa al-Hikmah lebih hampir pengertiannya kepada meletakkan sesuatu pada tempatnya, menepati kebenaran dari sudut ilmu dan amalan serta tepat dalam kata-kata dan perbuatan.

Menurut Sayyid Qutb, berdakwah secara al-Hikmah ialah dengan cara terlebih dahulu melihat kepada persekitaran dan latar belakang orang yang akan didakwah. Ini adalah bertujuan supaya dakwah yang akan disampaikan nanti tidak membebankan atau menyusahkan sasaran dakwah di samping dapat memudahkan mereka menerima dakwah.⁷³

Al-Bayanuni menjelaskan bahawa al-hikmah dalam dakwah ialah suatu uslub yang sesuai dengan keadaan sasaran. Ia bererti meletakkan sesuatu pada tempatnya.⁷⁴ Ali al-Murshid menjelaskan pula bahawa al-Hikmah itu tidaklah selamanya mengandungi pengertian lembut, rahmat, kasih sayang, perkataan yang dianggap baik dan tenang. Ia juga bererti lembut dan kuat, kasih sayang dan perang. Memiliki pelbagai kekuatan yang boleh mempengaruhi sasaran juga termasuk ke dalam al-Hikmah.⁷⁵ Al-Naisaburi pula menjelaskan bahawa al-Hikmah adalah penggunaan hujah yang qat'i dan meyakinkan. Cara ini digunakan di kalangan orang yang telah sampai ke tahap yang sempurna.⁷⁶

⁷³ Sayyid Qutb (1972), *op.cit.* j. 5, h.292

⁷⁴ Al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath (1993), *al-Madkhāl Ilā 'Ilm al-Dā'wah*, Beirut:Dār al-Risālah, h. 245

⁷⁵ Ali al-Murshid (1989), *Mustalzimāt al-Dā'wah fī al-'Asr al-Hadīr*. Damanhūr: T.P, h. 148-149

⁷⁶ Al-Naisaburi (1972), *Tafsīr Gharāib al-Qur'ān wa Raghāib al-Furqān*, j. 7. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h.131

Berhubung dengan al-Hikmah, Abdullah Basmeih pula menjelaskan bahawa ia bererti penjelasan yang tepat dan betul berdasarkan dalil dan bukti yang kukuh.⁷⁷ Prof. Dr. Hamka menjelaskan al-Hikmah bererti akal budi yang mulia, dada yang lapang dan hati yang bersih untuk menarik manusia kepada agama atau kepercayaan kepada tuhan. Kebijaksanaan itu bukan sahaja dengan ucapan lisan bahkan termasuk juga dengan tindakan dan cara hidup. Kadang-kadang diam itu lebih berhikmah dari bercakap.⁷⁸

Berdasarkan kepada pengertian dan tafsiran mengenai maksud al-Hikmah, Dr. Wan Hussein Azmi telah membahagikan metode al-Hikmah dalam dakwah kepada tiga bahagian iaitu;⁷⁹

- i. Al-Hikmah berhubung dengan sifat-sifat pendakwah; mereka perlu menurut sifat-sifat Nabi (benar, amanah, tabligh dan bijaksana), berlaku adil (meletakkan sesuatu pada tempatnya), tidak pemarah (sabar) dan mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas.
- ii. Al-Hikmah berhubung dengan isi kandungan dakwah; ianya perlu diambil dari al-Quran dan segala penerangan dalil-dalil yang kuat dan tepat yang boleh menerangkan kebenaran dan menghilangkan segala keraguan.

⁷⁷ Sheikh Abdullah Basmeih (1992), *op.cit*, h. 668.

⁷⁸ HAMKA, Abdul Malik Karim Amrullah, Prof Dr. (1990), *Tafsir al-Azhar*, j. 5 . Singapura: Pustaka Nasional, h. 3989

⁷⁹ Wan Hussein Azmi (1984), *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h. 35

- iii. Al-Hikmah berhubung dengan alat dan strategi dakwah; segala alat dan strategi yang digunakan hendaklah betul-betul sesuai untuk menegah berlakunya kerosakan dalam gerakan dakwah tersebut.

Al-Imam Fakhr al-Razi menyebut bahawa al-Hikmah dalam al-Quran datang dalam empat pengertian ;⁸⁰

- i. Segala nasihat al-Quran

وَإذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمَا أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنَ الْكِتَابِ وَالْحِكْمَةٌ يَعِظُكُمْ بِهِ
وَأَنْقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (٢٣١)

Dan kenanglah nikmat Allah yang diberikan kepada kamu, (dan kenanglah) apa yang diturunkan kepada kamu iaitu Kitab (Al-Qur'an) dan ilmu hikmat, untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya.

Surah Al-Baqarah (2) : 231

- ii. Kefahaman dan ilmu

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِيَأْبِي وَهُوَ يَعْطُهُ يَأْبِي لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ (١٣)

Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmah kebijaksanaan.

Surah Luqman (31) : 12

⁸⁰ Fakhr al-Rāzi, Abu Abdullah Muhammad ibn 'Umar ibn Husein al-Quraishi al-Tabarastani (t.t) *Tafsīr al-Kabīr*. J.3, Taheran: Dār al-Kutūb al- 'Ilmiyah, h. 515

2.3.2 Al-Maw'izah al-Hasanah

Perkataan al-Maw'izah diambil daripada perkataan *al-Wa'z* yang bererti wasiat dan perintah. Maw'izah pula ialah nama kepada peringatan tersebut.⁸¹ Menurut al-Aluri, perkataan *al-Wa'z* bererti memberi nasihat dengan baik, dengan cara yang boleh menarik hati pendengar serta menggunakan uslub yang boleh diterima kebenarannya dan diamalkan.⁸²

Ibn Kathir menjelaskan bahawa al-Maw'izah al-Hasanah ialah pengajaran yang menggunakan ibarat-ibarat yang indah yang dijadikan oleh Allah sebagai hujah kepada manusia yang terkandung di dalam kitab sucinya dengan peringatan tentang batasan dan tegahan kepada manusia dan peristiwa-peristiwa yang mungkin berlaku di kalangan mereka.⁸³

Menurut al-Alusi, al-Maw'izah al-Hasanah bererti pengajaran-pengajaran atau nasihat-nasihat yang baik yang memberi kesedaran serta dapat menghindarkan manusia dari keburukan.⁸⁴ Nasihat yang baik bererti kata-kata yang dilakukan secara halus, lembut, tenang, boleh menyekarkan kepanasan hati, jauh sekali dari menyenggung dan terpancar dari hati yang ikhlas. Nasihat seperti ini memerlukan kefahaman orang yang dinasihati bahawa tujuan dari nasihat tersebut ialah untuk

⁸¹ Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al-Fayyumi al-Muqrī (1978), *al-Misbāh al-Munīr*, Lubnan: T.P. h. 255

⁸² Al-Aluri, Adam 'Abd Allah (1979) *op.cit.* h. 20

⁸³ Ibn Kathīr (1969), *op.cit.* j. 2, h.592

⁸⁴ Al-Alusi, Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud (1978), *Rūh al-Ma'āni fi Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm wa Sab' al-Mathāni*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 254

kebaikan dan semata-mata menjaga kepentingan sasaran untuk masa depannya di dunia dan di akhirat.

Al-Naisaburi pula berpendapat bahawa ianya merupakan isyarat supaya menggunakan dalil-dalil yang memuaskan, mudah untuk diterima dan diyakini dengan isu-isu yang boleh diterima umum. Sasarannya ialah orang-orang yang tahap pemikirannya lebih rendah daripada golongan pertama (golongan yang didakwah dengan al-Hikmah). Mereka masih lagi dalam keadaan fitrah yang asal dan bersih dari penyelewengan.⁸⁵

Mengikut Sheikh Basmeih, penyampaian dakwah dengan cara al-Maw'izah al-Hasanah iaitu dengan memberi nasihat-nasihat yang berbentuk pengajaran yang menarik dengan menyebut peristiwa yang mendarangkan iktibar supaya manusia dapat mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangannya.⁸⁶

Sayyid Qutb pula berpendapat al-Maw'izah al-Hasanah ialah cara persembahan dan penyampaian dakwah itu mesti dilakukan dengan cara yang terbaik, lemah lembut dan bahasa yang halus yang boleh menusuk hati sanubari pendengar, penyampaiannya bukan dengan cara mengherdik, mencaci atau membuka tembelang, tidak kasar dan tidak menyinggung perasaan pendengarnya.⁸⁷

⁸⁵ Al-Naisaburi (1972), *op.cit.*, h.131

⁸⁶ Sheikh Abdullah Basmeih (1992), *op.cit.*, h.668

⁸⁷ Sayyid Qutb (1972), *op.cit.* j. 5, h.292

Dalam hal ini Dr. Muhammad al-Sayyid al-Wakil pula berpendapat ia adalah perkataan yang baik yang dikeluarkan dari ucapan pendakwah untuk disampaikan kepada pemikiran manusia yang di dalamnya mengandungi kebaikan dan kesejahteraan yang menimbulkan rasa suka untuk melakukan kebaikan dan menghindari keburukan.⁸⁸

Berdasarkan kepada pendapat-pendapat ulama dan mufassirin di atas, maka jelaslah bahawa al-Maw'izah al-Hasanah adalah nasihat yang disampaikan dengan cara yang baik, menarik, lemah lembut dan fleksibel sehingga meresap ke dalam hati dan dapat mendorong hati supaya melakukan kebaikan dan merasa jijik untuk melakukan kejahatan.

Ternyata ia adalah salah satu bentuk gaya persempahan dakwah yang menjadikan dakwah disukai dan diterima dengan baik kerana ia menjadikan sasaran merasakan bahawa peranan pendakwah terhadapnya seperti seorang kawan yang memberi nasihat. Keadaan ini akan membangkitkan rasa kejiwaan yang hampir antara pendakwah dan sasaran kerana adanya pengaruh sentimen dan kesedaran perasaan.

Jelasnya, bukan nasihat yang disampaikan secara kasar seperti mengherdik, menengking dan mencela. Nasihat yang baik di dalam menjalankan dakwah dapat menarik manusia dan membawa hasil yang lebih lumayan.

⁸⁸ Muhammad al-Sayyid al-Wakil (1986), *Usus al-Da'wah wa Adāb al-Du'at*. T.T.P: Dar al-Mujtama' li al-Nasyr wa al-Tawzi', h. 64

2.3.3 Al-Mujadalah bi al-Husna

Perkataan al-Mujadalah adalah berasal dari perkataan *jadala* yang bermaksud simpulan yang amat kuat.⁸⁹ Menurut Ibn Kathir, *al-Mujadalah* adalah bermaksud *al-Munazarah* (dialog) iaitu sama-sama mengemukakan pendapat dan pandangan. Perbincangan yang dilakukan hendaklah dengan cara yang baik, kata-kata yang lemah-lembut dan pertuturan yang indah.⁹⁰

Perdebatan dengan cara yang paling sesuai hendaklah dilakukan dengan menjaga adab-adab supaya tidak difahami untuk menjatuhkan pihak yang terlibat dan tidak pula untuk memburukkan dan menghina pendapat yang berkenaan tetapi ia semata-mata untuk mencari kebenaran. Ia bukan untuk menang, mengadakan perbahasan, menaikkan nama dan lain-lain tetapi semata-mata untuk dakwah dan menyampaikan kebenaran.⁹¹

Dalam hal ini Dr. Abd Karim Zaydan menyatakan bahawa *al-Mujadalah* dalam konteks dakwah memerlukan kepada penggunaan kata-kata yang lemah lembut, berakhhlak mulia, merendah diri, tenang dan penuh kasih sayang. Di samping itu pendakwah perlu mengelak dari sifat-sifat negatif seperti marah serta mengeluarkan kata-kata kesat yang boleh menyinggung perasaan pendengar. Dalam

⁸⁹ Ibn Manzür (t.t), *op.cit*, j. 13 , h. 108

⁹⁰ Ibn Kathir (t.t), *op.cit*, j. 2, h. 592

⁹¹ Shalabi (1982), *op.cit* , h. 268

hal ini pendakwah tidak boleh menyimpang dari matlamat asal al-Mujadalah iaitu untuk menyatakan serta meyakinkan sasaran dakwah tentang kebenaran Islam.⁹²

Al-Maraghi menjelaskan bahawa al-Mujadalah ialah percakapan atau bertukar-tukar fikiran sehingga orang yang pada mulanya menentang merasa berpuashati dengan penjelasan yang diberi dan seterusnya menerima dengan baik.⁹³

Syeikh Abdullah Basmeih menjelaskan bahawa al-Mujadalah bermaksud berbahas atau berdialog dengan golongan yang ingkar dengan cara yang sebaik-baiknya iaitu dengan komunikasi yang baik dan lemah lembut kerana dengan cara ini mungkin dapat melembutkan tentang mereka.⁹⁴

Dari penjelasan di atas, dapatlah difahami bahawa al-Mujadalah adalah perbincangan atau berdialog yang dilakukan dengan menjaga adab-adab dan bukan bertujuan untuk menjatuhkan imej lawannya. Ia merupakan satu teknik yang baik dalam penyebaran dakwah untuk memberi kepuasan kepada sasaran dalam rangka mencari kebenaran.

Di dalam al-Quran perkataan *jadil* disebut sebanyak 29 kali. Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa al-Mujadalah terbahagi kepada dua jenis

⁹² Abd al-Karim Zaydan (1976), *op.cit* , h. 460

⁹³ Al-Maraghi, Ahmad Mustafa (1974), *Tafsir al-Maraghi* , j. 3, Kaherah: Dar al-Fikr. h. 157-158

⁹⁴ Sheikh Abdullah Basmeih (1992), *op.cit* , h. 668

iaitu al-Mujadalah yang dipuji (mahmudah) dan al-Mujadalah yang dikeji (mazmumah). Contoh al-Mujadalah yang dipuji di dalam al-Quran ;

1. اذْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلُهُمْ بِأُنْتِي هِيَ أَخْسَنُ إِنْ رَبِّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ (١٢٥)

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk.,

Surah Al-Nahl (16) : 125

2. وَكَذَلِكَ أَنزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ فَإِنَّهُمْ أَتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يُؤْمِنُونَ بِهِ وَمَنْ هُؤُلَاءِ مَنْ يُؤْمِنُ بِهِ وَمَا يَحْمَدُ بِآيَاتِنَا إِلَّا الْكَافَّارُونَ (٤٧)

Dan (sebagaimana kami telah menurunkan Kitab-kitab agama kepada Rasul-rasul yang telah lalu) demikianlah kami turunkan pula kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Al-Qur'an ini. Maka orang yang Kami berikan Kitab (Taurat dan Injil) ada yang beriman kepada Al-Qur'an dan juga sebahagian dari orang (Makah) beriman kepadanya; dan tiadalah yang mengingkari ayat-ayat keterangan Kami melainkan orang yang berdegil dalam kekufurannya.

Surah Al-Ankabut (29) : 47

Manakala al-Mujadalah yang dikeji di dalam al-Quran :

1. وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُحَاجِلُ فِي اللَّهِ بِعَيْنِهِ عِلْمٌ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٌ مُّبِينٌ(۸)

Maksudnya: Dan ada di antara manusia yang membantah dalam perkara-perkara yang berhubung dengan Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan, dan tidak berdasarkan sebarang keterangan, dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran.

Surah Al-Hajj (22) : 8

2. وَجَادُلُوا بِالْبَاطِلِ لِيُذْهِبُوا بِهِ الْحَقَّ فَأَخْذُنُهُمْ فَكَيْفَ كَانَ عِقَابٌ(۵)

Dan mereka pula telah membantah dengan perkara yang salah itu; untuk menghapuskan kebenaran dengan perkara yang salah itu .

Surah al-Ghafir (40) : 5

Merujuk kepada perbincangan tentang jenis-jenis al-Mujadalah yang di nyatakan di atas, maka jelaslah bahawa seseorang pendakwah itu perlu membezakan antara metode al-Mujadalah yang dipuji atau yang dikeji bagi memastikan matlamat dakwahnya tercapai. Menurut Fakhr al-Razi, *jadāl* (debat) yang tercela ialah yang digunakan untuk menetapkan kebatilan serta menuntut harta dan pangkat. Manakala yang dipuji pula ialah yang digunakan untuk menetapkan kebenaran dan menyeru manusia ke jalan Allah serta mempertahankan agamanya.⁹⁵

⁹⁵ Fakhr al-Razi (t.t), *op.cit* , h. 252

Kebanyakan ulamak tafsir berpendapat bahawa berdebat bukanlah metode dakwah asal dituntut dari pendakwah tetapi ianya merupakan metode yang terpaksa digunakan sesuai dengan cara yang dilakukan oleh sasaran yang tidak menerima kebenaran sebaliknya menentang dan melakukan debat untuk memalukan pendakwah.

Menurut Sayyid Qutb, jiwa manusia mempunyai sikap angkuh dan suka menentang. Ia tidak akan mengaku kalah dalam mempertahankan pendapatnya kerana ianya akan menjatuhkan maruah, kehebatan dan keperibadiannya. Oleh itu, berdialog secara baik sahajalah yang dapat menyekat sentimen sompong dan angkuh tersebut di mana orang yang didebat merasakan dirinya terkawal dan nilai-nilai dirinya dihormati. Di samping itu, ia merasakan pendakwah tidak bermaksud menyimpang dari menjelaskan hakikat kebenaran bagi mendorongnya menuju jalan Allah.⁹⁶

Berdasarkan kenyataan di atas dapatlah diperhatikan bahawa dakwah hendaklah dilakukan dengan menggunakan perdebatan yang sebaik-baiknya tanpa tekanan terhadap pihak lawan supaya mereka yakin kepada kejujuran pendakwah dan merasakan matlamatnya yang sebenar bukannya untuk memenangi perdebatan tetapi untuk memberi keyakinan dan mencapai kebenaran.

Berdasarkan perbincangan di atas, maka jelaslah bahawa Rasulullah s.a.w diperintahkan supaya menyeru manusia dengan cara al-Hikmah iaitu penyampaian

⁹⁶ Sayyid Qutb (1972), *op.cit*, j. 4, h. 230

yang kemas melalui hujah serta dalil-dalil yang jelas termasuk analisa-analisa yang memberikan keyakinan, al-Maw'izah al-Hasanah iaitu nasihat untuk membangkitkan perasaan terhadap nasihat tanpa berhajat kepada pertengkaran dengan perkataan dan al-Mujadalah bi al-Husna iaitu perdebatan dengan cara yang baik untuk mencari kebenaran. Ternyata bahawa metodologi dakwah di dunia moden masa kini mestilah berpandukan kepada metodologi yang telah ditentukan oleh Allah sepihama yang dijelaskan dalam surah al-Nahl ayat 125. Walaubagaimanapun bentuk dan cara perlaksanaan metodologi ini adalah bergantung kepada kebijaksanaan para pendakwah sendiri dalam menghadapi golongan sasaran yang berbeza.

cinta kepada kedudukan dan kekuasaan, tenggelam dalam kemewahan dan sebagainya.¹⁰⁵

Golongan munafik pula ialah orang yang pada zahirnya menyatakan beriman kepada Allah tetapi pada batinnya mereka mengingkari perintah Allah.¹⁰⁶ Manakala orang yang melakukan maksiat terdiri daripada orang-orang yang beriman dan mengucap syahadah tetapi mereka tidak menunaikan isi dan jiwa syahadah yang ditentukan . Mereka mengerjakan sebahagian dari perintah agama dan meninggalkan sebahagiannya lagi. Ini adalah kerana mereka lemah dan tidak dapat mengawal kehendak nafsu mereka yang selalu mendorong supaya berbuat maksiat.¹⁰⁷

Golongan sasaran yang kedua ialah orang-orang kafir yang sangat mementingkan diri dan enggan menerima kebaikan yang dibawa oleh orang lain. Jiwa mereka sakit disebabkan adanya perasaan angkuh dan sompong serta kuat berpegang dengan adat dan kepercayaan karut yang telah mereka anuti. Oleh kerana itu, mereka menentang dakwah Islam dan pembawanya.¹⁰⁸

Dalam hal ini Ibn Hazm (994M/ 384H-1064/ 456H), telah mengklasifikasikan orang kafir kepada enam kumpulan iaitu;¹⁰⁹

- i. Golongan yang mengingkari adanya hakikat alam semesta.

¹⁰⁵ *Ibid*, h. 376

¹⁰⁶ *Ibid*, h. 382

¹⁰⁷ *Ibid*, h. 391

¹⁰⁸ Al-'Adawi (1935), *op.cit*. h. 36-37

¹⁰⁹ Ibn Hazm (1985M / 1405H), *Al-Fasl Fi al-Milāl wa al-Ahwā wa al-Nihāl*, j. 1. Beirut:Dār al-Jīl, h. 36-37

semuanya, (diutus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimah-Nya (Kitab-kitab-Nya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk".

Surah Al-A'raf (7): 158

Ayat Suci ini menjadi dalil yang tegas bahawa Nabi Muhammad (s.a.w.) telah diutus oleh Allah Ta'ala kepada umat manusia seluruhnya. Hakikat ini ditegaskan juga oleh Allah Ta'ala di dalam ayat yang lain;

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافِةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَكُلُّ أَكْثَرِ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ (٢٨)

Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)

Surah Al-Saba' (34) : 28

Jelasnya, Nabi Muhammad s.a.w. diutus oleh Allah Ta'ala kepada penduduk dunia seluruhnya sebagai rahmat dan nikmat yang besar. Sesiapa yang beriman dan menurut syariat Islam yang disampaikannya, selamatlah ia di dunia dan di akhirat dan sesiapa yang kufur ingkar, celakalah ia di dunia dan di akhirat.

Berdasarkan kedua-dua ayat di atas, Abd. Karim Zaydan menjelaskan bahawa sasaran dakwah adalah seluruh umat manusia tanpa terkecuali. Seluruh umat manusia dituntut supaya menerima selama mana ianya berakal samada lelaki ataupun perempuan tanpa mengira bangsa, warna kulit, pekerjaan atau tempat tinggal.⁹⁹

Munurut al-'Adawi, kumpulan sasaran dakwah boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu mukmin dan kafir. Golongan mukmin ialah mereka yang yakin serta mempercayai apa yang disampaikan serta mereka mengakui kebenaran pembawanya. Hati mereka bersih dari sebarang penyakit yang boleh menghalang mereka dari menerima kebenaran yang disampaikan. Dengan keyakinan yang sedemikian mereka menjadi lebih berani dan sanggup berkorban untuk membantu pembawa risalah secara bekerjasama dan tolong-menolong sesama mereka.¹⁰⁰

Sebahagian besar masyarakat Islam kini adalah terdiri dari golongan awam. Justeru itu dalam mengharungi kehidupan sehari-hari umat Islam tidak terkecuali daripada melakukan perbuatan dosa dan maksiat atau melakukan sesuatu yang bercanggah dengan hukum Islam seperti melakukan perkara khurafat dan terpengaruh dengan ajaran sesat dan sebagainya. Semua perbuatan salah yang dilakukan oleh umat Islam ini akan menjaskan keimanan dan ketakwaan seseorang. Justeru itu usaha dakwah adalah amat penting untuk memperbaiki perjalanan hidup umat Islam supaya bersesuaian dengan syariat Islam yang sebenar.¹⁰¹

⁹⁹ 'Abd. al-Karim Zaydan (1976), *op.cit.* h.358

¹⁰⁰ Al-'Adawi, Muhammad Ahmad (1979), *Da'wah al-Rasūl Ila Allāh Ta 'āla*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 430

¹⁰¹ 'Abd al-Na'im Muhammad Husnin (1984M/1405), *op.cit.*, h.30

Walaupun sasaran dakwah kepada seluruh umat manusia, tetapi menurut Dr. Mohd Said Ramadhan al-Buti, keutamaannya kepada orang Islam kerana apabila orang-orang Islam sudah mempraktikkan sesuatu yang benar dan dapat menerap nilai-nilai dan akhlak Islam yang mulia dalam kehidupan mereka seharian, maka nescaya umat lain akan tertarik dengan sendirinya untuk menerapkan ajaran Islam dalam kehidupan mereka.

Perkara yang menyebabkan orang bukan Islam tidak suka kepada Islam bukan kerana keburukan ajaran Islam tetapi disebabkan oleh umat Islam yang pada umumnya tidak memperlihatkan sahsiah yang lebih baik dari umat lain malah sesetengah umat Islam mengamalkan perilaku yang lebih buruk berbanding dengan umat lain. Keadaan tersebut menjadi penghalang kepada umat-umat lain untuk menganut Islam.¹⁰²

Dalam mengklasifikasikan golongan sasaran dakwah, Hj. Ahmad bin Hj. Awang telah membahagikan golongan Islam kepada lima golongan iaitu,¹⁰³

- i. Masyarakat awam yang kurang mempunyai ilmu pengetahuan seperti nelayan, petani, pekerja kilang, buruh dan sebagainya.
- ii. Masyarakat pertengahan yang berpelajaran dan berkedudukan sosio-ekonomi yang sederhana seperti peniaga, guru, kakitangan biasa di sektor awam dan swasta.

¹⁰² Al-Büti, Muhammad Said Ramadhan (1980M/1400H), *Fiqh al-Sirah*. Beirut: Där al-Fikr, h.17-18

¹⁰³ Hj Ahmad bin Awang (1990), *Mengenal Ilmu Dakwah*. Koleksi INDAH, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. 8

- iii. Masyarakat yang berpelajaran tinggi dan mempunyai kedudukan sosio-ekonomi yang tinggi seperti doktor, peguam, jurutera, pegawai tadbir, pensyarah dan sebagainya.
- iv. Golongan pelajar sekolah, institut pengajian tinggi dan belia.
- v. Golongan atasan yang terdiri dari golongan istana, bangsawan, hartawan, ahli-ahli politik, pegawai-pegawai tinggi dan orang yang mempunyai pangkat dan gelaran.

Abd. Karim Zaydan pula telah membahagikan golongan sasaran dakwah kepada empat kumpulan iaitu al-Mala' , orang-orang awam, golongan munafik dan orang yang melakukan maksiat. Al-Mala' adalah orang yang terkemuka dalam masyarakat yang mempunyai kekuasaan dan dianggap oleh masyarakat sebagai pemimpin dan pemuka atau dianggap sesuai dengan pengertian sekarang sebagai pengusa atau pemerintah kerana mereka mempunyai kekuasaan dan kepimpinan dalam masyarakat mereka.¹⁰⁴

Orang awam ialah orang yang menjadi pengikut para pemimpin dan pengusa yang kebiasaannya terdiri daripada orang-orang miskin, orang-orang lemah dan terpaksa melakukan berbagai pekerjaan untuk menyara kehidupan mereka. Namun begitu, kebiasaannya mereka lebih cepat menerima dakwah Islam berbanding dengan golongan al-Mala' , malah mereka yang menjadi pengikut setia para rasul. Ini adalah kerana mereka tidak mempunyai sifat yang ada pada golongan al-Mala' seperti

¹⁰⁴ 'Abd. al-Karim Zaydan (1976), *op.cit.* h. 366

cinta kepada kedudukan dan kekuasaan, tenggelam dalam kemewahan dan sebagainya.¹⁰⁵

Golongan munafik pula ialah orang yang pada zahirnya menyatakan beriman kepada Allah tetapi pada batinnya mereka mengingkari perintah Allah.¹⁰⁶ Manakala orang yang melakukan maksiat terdiri daripada orang-orang yang beriman dan mengucap syahadah tetapi mereka tidak menunaikan isi dan jiwa syahadah yang ditentukan . Mereka mengerjakan sebahagian dari perintah agama dan meninggalkan sebahagiannya lagi. Ini adalah kerana mereka lemah dan tidak dapat mengawal kehendak nafsu mereka yang selalu mendorong supaya berbuat maksiat.¹⁰⁷

Golongan sasaran yang kedua ialah orang-orang kafir yang sangat mementingkan diri dan enggan menerima kebaikan yang dibawa oleh orang lain. Jiwa mereka sakit disebabkan adanya perasaan angkuh dan sompong serta kuat berpegang dengan adat dan kepercayaan karut yang telah mereka anuti. Oleh kerana itu, mereka menentang dakwah Islam dan pembawanya.¹⁰⁸

Dalam hal ini Ibn Hazm (994M/ 384H-1064/ 456H), telah mengklasifikasikan orang kafir kepada enam kumpulan iaitu;¹⁰⁹

- i. Golongan yang mengingkari adanya hakikat alam semesta.

¹⁰⁵ *Ibid*, h. 376

¹⁰⁶ *Ibid*, h. 382

¹⁰⁷ *Ibid*, h. 391

¹⁰⁸ Al-'Adawi (1935), *op.cit*. h. 36-37

¹⁰⁹ Ibn Hazm (1985M / 1405H), *Al-Fasl Fi al-Milāl wa al-Ahwā wa al-Nihāl*, j. 1. Beirut:Dār al-Jīl, h. 36-37

- ii. Golongan yang mengakui adanya hakikat alam dengan mengatakan bahawa sesungguhnya alam ini tetap ada, tetapi mereka tidak mengakui adanya pencipta dan pengaturnya.
- iii. Golongan yang mengakui adanya hakikat alam dan berpendapat bahawa alam dan pengaturnya tetap ada.
- iv. Golongan yang mengakui adanya hakikat alam. Sebahagian dari mereka berpendapat bahawa sesungguhnya alam ini tetap ada manakala sebahagian lain berpendapat bahawa alam mempunyai pengaturnya yang lebih daripada satu. Namun mereka berselisih pendapat mengenai jumlahnya.
- v. Golongan yang mengakui adanya hakikat alam dan berpendapat bahawa alam ini dicipta oleh satu pencipta namun mereka mengingkari seluruh kenabian.
- vi. Golongan yang mengakui adanya hakikat alam dan berpendapat bahawa alam ini dicipta oleh satu pencipta namun mereka berbeza dalam mengakui sebahagian nabi dan mengingkari sebahagiannya.

Al-Bayanuni membahagikan golongan sasaran dakwah bukan Islam kepada tiga golongan.¹¹⁰

- i. Golongan yang ingkar, menolak dan menafikan kebenaran agama yang dibawa dari langit.

¹¹⁰ Al-Bayanuni, Muhammad Abū al-Fath(1993), *al-Madkhāl ila 'ilm al-Da'wah*. Beirut: al-Risālah h. 178-179

- ii. Golongan musyrik pemuja berhala, iaitu golongan yang menyekutukan Allah.
- iii. Golongan ahli kitab, iaitu golongan yang menjadi pengikut agama Yahudi dan Kristian sekarang.

Jelasnya sasaran dakwah secara umumnya adalah ditujukan kepada seluruh umat manusia samada Islam ataupun bukan Islam. Golongan yang beragama Islam dan bukan Islam juga berbezabeza tahap atau kedudukan mengikut tahap-tahap tertentu seperti pemikiran, cara hidup, pendidikan, pekerjaan, kepercayaan dan sebagainya. Mengklasifikasikan golongan sasaran dakwah di kalangan umat Islam dan bukan Islam dapat memudahkan para pendakwah bagi mendekati mereka, dengan demikian usaha dakwah terhadap mereka lebih tersusun.

Sebagai kesimpulan kepada bab ini, dakwah adalah satu usaha mengajak manusia beriman kepada Allah dengan mengerjakan perintah Allah dan meninggalkan perkara yang dilarang. Tanggungjawab ini perlu dilakukan oleh semua pihak mengikut kemampuan masing-masing. Ia perlu dilakukan dengan terancang dan mengambil kira golongan sasaran dakwah itu bagi memastikan usaha dakwah yang dilakukan memberikan hasil yang baik.

BAB DUA: MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR

Sebelum dibincangkan mengenai Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur, penulis akan menjelaskan terlebih dulu secara ringkas mengenai Kuala Lumpur.

2.1 PENGENALAN KUALA LUMPUR

2.1.1 Sejarah Kuala Lumpur

Sejarah bermula pada pertengahan kurun ke 19. Pada tahun 1857, Raja Abdullah bin Jaafar dari Bugis iaitu wakil menteri yang mentadbir Kelang, mendarat di Pengkalan Lumpur dalam perjalanan mencari bijih timah dengan dibantu oleh saudaranya Raja Jumaat. Bersama mereka ialah 87 orang pekerja lombong yang terdiri dari pekerja Cina.¹¹¹ Setelah menghilir Sungai Kelang sehingga kuala pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Kelang, mereka merentasi hutan belantara dan menjumpai bijih disekitar Ampang. Mulai dari saat itu, Kuala Lumpur terus bergerak sebagai sebuah perkampungan bijih timah dan pusat perdagangan.¹¹² Kedatangan Yap Ah Loy (1868) ke Kuala Lumpur sebagai kapitan Cina yang ketiga juga, telah banyak membantu meningkatkan pertumbuhan dalam bidang perdagangan dan penempatan.¹¹³

¹¹¹ Tung Loon Eng (t.t), *Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: P.T. Communicatians Sdn Bhd, h. 11

¹¹² J.M. Gullick (1988), *Kuala Lumpur 1880-1895 A City in The Making*. P.Jaya: Pelanduk Publications. Sdn Bhd, h. 10

¹¹³ Hj Buyong Adil (1981), *Sejarah Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h 150-155

Jelasnya aktiviti perlombongan bijih timah telah mempercepatkan pertumbuhan ekonomi Kuala Lumpur dan menjadi sektor utama yang menjadi penyumbang terbesar di dalam mengubah Kuala Lumpur.

2.1.2 Pentadbiran Kuala Lumpur

Dari sudut pentadbiran, pada tahun 1896, Kuala Lumpur telah menjadi ibu kota Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Sebuah Lembaga Kebersihan (Sanitary Board), penguasa tempatan bagi Kuala Lumpur yang bertanggungjawab membersihkan jalan, menguruskan pentadbiran pasar, menaikkan papan-papan tanda dan sebagainya telah ditubuhkan pada tahun 1908. Pengerusi pertama Lembaga Kebersihan Kuala Lumpur ialah Encik A.R.Venning yang juga bertanggungjawab dalam pembinaan taman bunga di Kuala Lumpur.¹¹⁴

Selepas pendudukan Jepun di Malaysia (1941-1945), Kuala Lumpur dijadikan sebagai ibu kota Malayan Union dan seterusnya menjadi ibu kota Persekutuan tanah Melayu dalam tahun 1948. Kuala Lumpur diberikan taraf Perbandaran (Municipality) pada 15 Mac 1948, apabila ditubuhkan Lembaga Perbandaran Kuala Lumpur. Lembaga Perbandaran ini diketuai oleh seorang Yang Dipertua dan seramai 15 orang Pesuruhjaya Perbandaran dan dua pertiga daripada

¹¹⁴ Ahmad Ibrahim et.al (1999), *Perkembangan Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.481

ahlinya dipilih melalui satu pilihanraya.¹¹⁵ Majlis Perbandaran ini kemudiannya dibubarkan dan digantikan dengan Pesuruhjaya yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.¹¹⁶

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Kuala Lumpur dipilih menjadi ibu negara Malaysia. Dari masa ke semasa Kuala Lumpur semakin berkembang maju sehingga pada 1 Februari 1972, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong telah menganugerahkan taraf bandaraya kepada ibu kota di bawah Akta Bandaran Kuala Lumpur 1972. Mulai saat itu Pesuruhjaya Ibu Kota bergelar Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Ibu Kota di kenali sebagai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.¹¹⁷

Detik terpenting bagi bandaraya Kuala Lumpur ialah dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974 di bawah Akta Perlombagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 (Akta A206). Penubuhan Wilayah Persekutuan adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mentadbir sebuah ibu negara secara langsung bagi memenuhi keperluan sebuah bandaraya moden yang setanding dengan ibu negara lain yang maju di dunia.¹¹⁸

¹¹⁵ Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (t.t), *Buku Penerangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), h.9

¹¹⁶ Ahmad Ibrahim et.al (1999), *op.cit.* h. 482

¹¹⁷ Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (t.t), *op.cit.*, h 8

¹¹⁸ Hj. Buyong Adil (1981), *op.cit.* h. 150-155

Selepas diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur mula dikenali bukan sahaja di Malaysia malah dikenali seluruh dunia. Kuala Lumpur telah memainkan peranan penting sebagai pusat pentadbiran negara. Boleh dikatakan ibu pejabat bagi semua kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan institusi penting kerajaan pusat terletak di bandaraya ini. Selain daripada itu semua kedutaan negara luar yang ada hubungan diplomatik dengan Malaysia juga terletak di Kuala Lumpur.¹¹⁹ Jelasnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai peranan yang besar sebagai penguasa tempatan yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran Kuala Lumpur.

2.1.3 Pembangunan Kuala Lumpur

Meninjau dari sudut geografi, keluasan kawasan Kuala Lumpur telah bertambah dari suku batu persegi pada tahun 1885 kepada 8 batu persegi pada tahun 1903 kemudian 17 batu persegi ketika perang dunia pertama dan seterusnya 20 batu persegi pada 1934. Selepas 40 tahun (1974), ia telah berkembang kepada 36 batu persegi. Kuala Lumpur kini mempunyai keluasan 243,000 kilometer persegi. Kuala Lumpur terdiri daripada Pusat bandaraya dan beberapa kawasan sekitarnya. Sempadan di utara ialah Jinjang Baru dan Estet Wardieburn, Ampang di Timur, Kepong dan sebahagian Petaling Jaya di sebelah barat manakala Sungai Besi di selatan.¹²⁰

¹¹⁹ Asmad (1987), *Wilayah Persekutuan*, c.1, Melaka: Associated Distributors (M) Sdn Bhd, h. 12

¹²⁰ Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Risalah), *Kuala Lumpur in History*

Sebagai ibu negara, Kuala Lumpur merupakan nadi kepada kehidupan negara dengan pelbagai kegiatan yang meliputi politik, pentadbiran, keagamaan, perdagangan, kewangan, kebudayaan, sukan dan pendidikan.¹²¹ Penduduk Kuala Lumpur telah meningkat kepada 4050 orang pada tahun 1887 dan bertambah sehingga 30000 orang pada tahun 1990. Pada tahun 1980 dan 1986 menunjukkan satu pertambahan yang nyata iaitu dari 1,036000 orang kepada 1,130600 orang.¹²²

Menurut banci penduduk dan perumahan Malaysia pada tahun 1991, Penduduk Kuala Lumpur keseluruhannya seramai 1,225608 orang. Dari jumlah tersebut 556518 orang adalah masyarakat Cina iaitu 45.36 % dan 457496 orang adalah orang Melayu iaitu 37.30 %. Manakala 11.25 % atau 137993 orang adalah masyarakat India. Bumiputera lain seramai 4156 orang atau 0.34 % dan lain-lain bangsa 1.21 % atau 14876 orang.¹²³ Menurut anggaran penduduk pertengahan tahun 2000, jumlahnya ialah 1466,500 orang iaitu 750,800 orang adalah lelaki manakala selebihnya 715,700 orang adalah perempuan.¹²⁴

Walaupun dahulu ia dibangunkan sebagai pusat pentadbiran, hari ini Kuala Lumpur sudah menjadi pusat perdagangan terbesar di Malaysia. Pada masa yang sama Kuala Lumpur perlu bersaing dengan ibu kota negara-negara jiran untuk

¹²¹ Ahmad Ibrahim et.al (1999), *op.cit.* h. 483

¹²² Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Risalah), *Op.cit*

¹²³ Khoo Soo Gim (1995), *Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 1991*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.

¹²⁴ Dato' Shaari b. Abdul Rahman (2001), *Perangkaan penting Malaysia (Edisi Khas)*, Jabatan Perangkaan Negara

menarik lebih banyak syarikat perdagangan yang besar mendirikan ibu pejabat wilayahnya di sini. Kerajaan berpendapat tumpuan oleh syarikat-syarikat gergasi adalah penting jika sekiranya hendak mendapat pengiktirafan dunia antarabangsa sebagai sebuah daripada Bandar perdagangan terkemuka Asia. Ini bermakna aktiviti komersil tidak perlu dipindahkan kecuali lokasi pejabat-pejabat kerajaan kerana adalah lebih mudah bagi kerajaan membuat keputusan. Dengan itu pusat pentadbiran baru Malaysia berpindah ke Putrajaya.¹²⁵

Dengan ini jelaslah bahawa Kuala Lumpur terus berkembang dan dikenali seluruh dunia bermula dengan aktiviti perlombongan bijih timah sehingga diisytiharkan sebagai bandaraya. Pembangunan dan pertambahan penduduk terus berlaku sehingga kini.

¹²⁵ Ahmad Ibrahim et.al (1999), *op.cit.* h. 504

2.2 MAK NYAH MUSLIM DI KUALA LUMPUR

2.2.1 Pengertian Mak Nyah

Mak Nyah merupakan istilah yang boleh dikatakan baru digunakan secara meluas yang sebelum ini penggunaannya agak terhad. Menurut Kamus Dewan *Mak Nyah* bermaksud panggilan kepada golongan pondan.¹²⁶ Istilah lain turut digunakan seperti pondan, bapok, cek mek, darai, adik-adik, kedi, khunsa dan sebagainya. Namun begitu istilah yang paling popular ialah Mak Nyah. Mak Nyah boleh digambarkan juga sebagai individu yang mempunyai ciri-ciri fizikal, tingkahlaku, emosi seksual yang merangkumi kedua-kedua jantina.¹²⁷ Di Indonesia istilah yang digunakan kepada golongan ini ialah benci.¹²⁸ Dari istilah di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Mak Nyah adalah istilah kepada laki-laki yang menampilkan diri sebagai perempuan.

Menurut Tollison C.D & Adam H.E, Mak Nyah itu adalah mereka yang menganggap diri mereka sebagai kumpulan jantina yang bertentangan dengan jantina biogikal mereka. Tegasnya mereka menganggap diri mereka wanita walaupun dari segi biologinya mereka itu lelaki. Dirasakan dirinya yang sebenar adalah seorang wanita yang terperangkap dalam tubuh lelaki. Begitu juga dengan keadaan

¹²⁶ Dr.Teuku Iskandar (1991), *op.cit.* h. 244

¹²⁷ Prof Madya Dr.Hj.Wan Halim Othman (1987), *op.cit.* h. 4

¹²⁸ *Kamus Umum Bahasa Indonesia* (1982), Jakarta: PN Balai Pustaka. h. 83

transeksual wanita yang merasakan dirinya sebenar adalah seorang lelaki yang terperangkap dalam tubuh wanita.¹²⁹

Menurut Mc Cary J.L, Mak Nyah merupakan satu keadaan yang mana anatomi seksual seseorang itu tidak secukup atau tidak sesuai serta bertentangan pula dengan orientasi peranan seksualnya. Kebanyakan mereka yang berkeadaan begini adalah lelaki walaupun masih terdapat wanita yang menjadi transeksual. Oleh kerana kebanyakannya di kalangan transeksual adalah lelaki, maka pandangan Mak Nyah ditinjau dari aspek lelaki. Justeru itu Mak Nyah adalah seorang lelaki yang secara fizikal dan fisiologinya lelaki tetapi dari segi kejiwaannya cenderung kepada kejiwaan perempuan.¹³⁰

Menurut Carrera M, Mak Nyah sebagai individu yang dilahirkan dengan ciri-ciri biologinya lelaki tetapi merasa dan mempercayai dirinya sepatutnya dilahirkan sebagai perempuan. Satu kesilapan biologikal telah berlaku yang mana individu ini telah disalahlahirkan ke dalam tubuh yang tidak sesuai dan bertentangan pula dengan jiwnya.¹³¹

Kesimpulanya, ternyata sekali bahawa Mak Nyah sebenarnya merupakan seorang lelaki yang bergerak-geri sebagai perempuan. Memakai pakaian perempuan,

¹²⁹ Tollison C.D & Adam H.E (1979), *Sexual Disorders: Treatment Theory And Research*, New York: Gardner Press, h. 21

¹³⁰ Mc Cary J.L.(1978), *Mc Cary's Human Sexuality*. New York: Nostranc co, h. 15

¹³¹ Carrera M.C(1981), *Sex, The facts, The Acts And Your Feelings*.New York:Crown Publication, h. 14

suka melakukan sesuatu yang dilakukan oleh perempuan, menunjukkan minat seks terhadap kaum sejenis dan tidak ada nafsu terhadap kaum perempuan. Mempunyai alat kemaluan lelaki (zakar) dan perempuan (buah dada yang membesar hasil dari pemakanan pil hormon atau suntikan hormon) serta berjiwa perempuan.

2.2.2 Faktor Pembentukan Identiti Mak Nyah Muslim

Menurut Kamus Dewan, identiti ialah sifat (ciri-ciri) yang terdapat pada seseorang.¹³² Dalam hal ini terdapat tiga faktor utama dalam pembentukan identiti Mak Nyah, iaitu pengaruh pendidikan dan persekitaran, sikap ibu bapa dan faktor semulajadi atau baka.

a. Pengaruh Pendidikan Dan Persekutaran

Pengaruh pendidikan dan persekitaran serta orientasi pergaulan memainkan peranan penting ke arah pembentukan tingkah laku Mak Nyah seperti ibubapa, masyarakat setempat, masyarakat , sekolah serta media massa.

Menurut Mat Saad Baki, pendidikan awal sejak kecil seperti selalu dipakaikan dengan pakaian kanak-kanak perempuan, bermain dengan rakan sepermainan perempuan, amalan ibubapa supaya menjauhi pergaduhan, permainan agresif; suka

¹³² Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), op.cit. h. 476

bermain anak patung, permainan pondok-pondok serta memasak akan membentuk kanak-kanak lelaki bersifat keperempuanan.¹³³

Menurut Faridah Hanum pula, kegiatan homoseksual merupakan pendorong kepada pembentukan identiti Mak Nyah. Seseorang itu akan terkeliru dan menganggap dirinya perempuan apabila ia terlibat dengan homoseksual secara kebetulan atau sengaja dan di dalam perlakuan tersebut ia memainkan peranan sebagai seorang perempuan. Oleh kerana itu ia tertarik kepada lelaki dan merasakan dirinya seorang perempuan serta perlu bertingkah laku seperti perempuan.¹³⁴

Menurut Dr. Wan Halim Othman, ia dipengaruhi oleh model sama ada di dalam keluarga, saudara mara, masyarakat setempat yang telah berjaya di terima oleh masyarakat dengan tingkah laku mereka. Ini akan mengukuhkan lagi tingkah laku yang sedia ada padanya.¹³⁵

Menurut beliau lagi, kanak-kanak lelaki yang terlalu rapat dengan ibu dan adil-beradik perempuan mudah terpengaruh dengan cara pemikiran mereka serta identiti jantina. Keadaan ini akan bertambah serius jika kanak-kanak itu merasa benci terhadap ayah atau adik-beradik lelaki kerana beberapa sebab tertentu.¹³⁶

¹³³ Dr. Mat Saad Baki (1987), "Mak Nyah Dari Sudut Psikologi" (Kertas Kerja Seminar Mak Nyah di Universiti Malaya, 24-25 Oktober 1987), h. 4

¹³⁴ Faridah Hanum (1990), "Mak Nyah – Apakah Masih Ada Jalan Buatmu ", *Majalah Nona*, Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributor Sdn Bhd, h. 18

¹³⁵ Prof Madya Dr. Wan Halim Othman (1987), *op.cit.* h. 4

¹³⁶ *Ibid*

Menurut Ema (nama samaran), sejak kecil lagi beliau telah bergaul dengan kawan-kawan perempuan lebih dari kawan-kawan lelaki dan merasa lebih senang berkawan dengan mereka berbanding lelaki.¹³⁷

Jelaslah bahawa pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam proses pembentukan identiti Mak Nyah. Di samping itu juga faktor persekitaran seperti kegiatan homoseksual dan pengaruh dari Mak Nyah lain yang berjaya diterima masyarakat menjadi faktor pendorong pembentukan identiti ini. Dengan ini pembentukan identiti Mak Nyah boleh disekat dengan memberi kawalan dari sudut pergaulan mereka sejak kecil lagi.

b. Sikap ibu bapa

Tingkah laku ibu bapa adalah model utama dalam sesebuah keluarga. Anak-anak akan mudah terpengaruh dan mengikut jejak langkah mereka. Menurut Khairudin Yusof, faktor ibu bapa memainkan peranan penting di dalam membentuk tingkah laku Mak Nyah. Ibu bapa yang inginkan anak perempuan bertendensi untuk mendidik anak lelakinya dengan asuhan-asuhan seperti seorang kanak-kanak lelaki tersebut mengamalkan peranan keperempuanan sebagai corak dan pola tingkah laku yang tetap sehingga dewasa.¹³⁸

¹³⁷ Ema (nama samaran), temubual pada 7.1.2002

¹³⁸ Khairuddin Yusof (1987), "Act, Social And Health Review of Transexuals." (Kertas Kerja Seminar Mak Nyah di Universiti Malaya, 24-25 Oktober 1987), h. 3

Menurut Prof Madya Dr. Wan Halim Othman, pembentukan identiti Mak Nyah berlaku apabila ibu bapa memberikan mesej bahawa jantina perempuan adalah lebih baik maka akan diberikan kasih sayang dan perhatian yang lebih. Adakalanya ibu bapa membuat penilaian tertentu terhadap jantina yang mendorong seseorang anak menukar jantinanya untuk mendapat kasih sayang ibu bapa.¹³⁹

Antara penilaian yang menyatakan bahawa jantina wanita adalah lebih “superior” daripada lelaki. Perhatian yang lebih diberikan kepada anak-anak perempuan dan adakalanya membuat cemuhan terhadap kaum lelaki. Kanak-kanak lelaki akan merasa lebih beruntung dan mendapat kasih sayang jika ia dilahirkan sebagai seorang perempuan.¹⁴⁰

Faktor lain ialah kehadiran ayah yang amat terbatas dalam keluarga masyarakat moden. Keghairahan mencari kemewahan hidup dan menyerahkan seratus peratus tugas mendidik kepada ibu menjadikan anak lelaki kehilangan contoh untuk ditiru. Maka ia berpaling kepada mencontohi ibu dan keadaan akan menjadi lebih buruk jika terdapat ramai perempuan di dalam keluarga itu.¹⁴¹

Reaksi kepada paksaan ibu bapa yang terlalu mendesak dan memaksa anak mereka supaya bertingkah laku seperti “anak jantan” boleh menimbulkan reaksi

¹³⁹ Prof Madya Dr. Wan Halim Othman (1987), *op.cit*, h.5

¹⁴⁰ *Ibid*

¹⁴¹ Kamisah Mustaffa (1991), “ Mak Nyah: Ditonjol, Disisih Jangan”, *Majalah jelita*, Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributor Sdn Bhd, h. 25

menolak anaknya. Ibu bapa juga memberikan mesej bahawa anaknya itu tidak cukup jantan.¹⁴²

Menurut Anis (nama samaran), sejak kecil lagi bapanya sentiasa mengingatkan beliau supaya menjadi aktif dan agresif. Bapanya merupakan seorang yang bengis dan sentiasa memaksa beliau untuk membuat latihan fizikal sehingga beliau merasa letih. Bermula dari itu timbul perasaan baru kepadanya untuk menjadi perempuan supaya tidak perlu menjalani latihan fizikal.¹⁴³

Jelasnya, sikap ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membentuk tingkah laku Mak Nyah sama ada dengan membezakan kasih sayang mengikut jantina ataupun sikap bapa yang mementingkan kerjayanya sehingga tiada masa untuk menjadi model kepada anak-anaknya sebagai seorang lelaki. Di samping itu juga sikap bapa yang terlalu tegas dalam mendidik anak-anak menjadikan Mak Nyah mencari jalan keluar dari belenggu itu. Dengan ini sikap ibu bapa perlu dibentuk terlebih dahulu bagi menjadi model kepada anak-anak.

c. Faktor Semulajadi Atau Baka

Mengenai faktor semulajadi pula, kebanyakan Mak Nyah mempunyai kecelaruan identiti bermula daripada usia 18 bulan hingga 3 tahun. Pengaruh fisiologi

¹⁴² Prof Madya Dr. Wan Halim Othman (1987), *op.cit*, h. 6

¹⁴³ Anis (nama samaran), temubual pada 7.1.2002

dari segi kromosom dan hormon adalah paling ketara semasa seseorang itu masih berada di dalam rahim lagi serta semasa ia sedang mengalami proses akil baligh. Terdapat bukti-bukti tertentu yang menunjukkan peranan hormon menentukan perkembangan otak yang agak berbeza mengikut jantina. Ini bererti, jika seseorang ibu mengandung (kandungan lelaki) kurang mengeluarkan hormon lelaki (testosterone), kemungkinan sifat keperempuanan akan mempengaruhinya walaupun tingkah lakunya sebagai seorang lelaki tidak terjejas.¹⁴⁴

Khairuddin Yusof mengemukakan teori megenai baka yang dirumuskan melalui kajiannya beberapa tahun lalu menyatakan bahawa sebelum berusia 20 minggu, zakar (testicle) janin lelaki akan mengeluarkan hormon yang dipanggil testosteron. Hormon ini akan pergi ke otak dan menyalurkan maklumat mengenai jantina itu, maka otak itu akan menjadi otak lelaki. Maka persoalan yang timbul ialah adakah dengan ketiadaan hormon yang dikeluarkan untuk memberitahu janin itu bahawa secara fizikal dia adalah lelaki, akan menyebabkan terjadinya Mak Nyah. Walaupun kajian dilakukan sehingga memperolehi maklumat ini namun beliau enggan mengesahkan secara pasti bahawa keadaan itu dikatakan penyebab lahirnya lelaki mirip perempuan.¹⁴⁵

¹⁴⁴ Wan Azmi Ramli (1991), *Dilema Mak Nyah. Satu Ilusi*, Kuala Lumpur:Utusan Publications, h.12

¹⁴⁵ Khairuddin Yusof(1987), *op.cit*, h. 5

Jelasnya , identiti Mak Nyah boleh juga terbentuk oleh faktor semulajadi iaitu pengaruh fisiologi dari segi kromosom dan hormon. Dengan ini dapatlah dilihat bahawa tiga faktor utama yang mendorong pembentukan identiti Mak Nyah. Biar apa pun faktor yang membentuk identiti Mak Nyah, hanya Allah s.w.t. sahaja yang berkuasa mencipta golongan yang berlainan dengan sifat fizikalnya yang sudah pasti mempunyai hikmah sebaliknya. Tiada siapa yang berhak mempertikaikan ciptaan Allah walaupun kadang kala menimbulkan kontroversi dalam pemikiran manusia.

2.2.3 Dilema Mak Nyah Muslim

Menurut Kamus Dewan dilema membawa maksud keadaan yang menyebabkan sukarnya membuat pilihan antara dua altenatif atau lebih.¹⁴⁶ Di antara perkara yang menjadi dilema Mak Nyah muslim ialah ;

a) Penentuan Identiti

Identiti ialah sifat (ciri-ciri) yang terdapat pada seseorang.¹⁴⁷ Ia merupakan satu perkara pokok pada penampilan diri. Bagi Mak Nyah, mereka mengalami dilema di dalam menentukan identiti jantina. Mereka sentiasa menyoal siapakah dirinya yang sebenar? Adakah dia dijadikan demikian ataupun dia sendiri yang membuatnya? Jika dia dijadikan begitu, apakah hikmahnya? Umumnya mereka sedar bahawa mereka tidak ingin berada di dalam situasi yang bercelaru dan ingin menjadi seorang manusia biasa. Kesengsaraan menghadapi konflik jiwa adakalanya boleh dihadapi tetapi adakalanya terlalu berat untuk dipikul.

Mereka merasakan bahawa identiti perasaannya yang sebenar adalah seorang perempuan yang terperangkap dalam tubuh seorang lelaki. Kesedaran itu berlaku sejak kecil lagi. Malah mereka tidak pernah merasakan dirinya seorang lelaki dan mengimpikan untuk menjadi sebagai seorang perempuan sejati. Justeru itu timbul

¹⁴⁶ *Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998)*, op.cit, h. 305.

¹⁴⁷ *Ibid*, h. 476

tekanan untuk menukar tubuh badannya supaya mencerminkan identiti yang sebenar adalah sangat ketara¹⁴⁸.

Menurut Benjamin, desakan untuk menukar seks dengan cara pembedahan melambangkan kesungguhan seseorang Mak Nyah dalam menentukan identitinya¹⁴⁹. Bagaimanapun pembedahan dan rawatan memerlukan pembiayaan yang banyak dan adakah ia boleh benar-benar berfungsi sebagai seorang perempuan ataupun ia akan menyesal di atas tindakannya nanti. Mereka mengetahui bahawa bukan semua pembedahan berjaya malah ada yang tidak berpuashati dengan pembedahan itu.

Menurut Prof. Wan Halim Othman, dilema yang dihadapi oleh Mak Nyah dalam menentukan identiti jantina mereka ialah¹⁵⁰;

- i. Mereka mempunyai sifat-sifat lelaki yang ketara yang tidak boleh diubah sepenuhnya dengan menggunakan hormon seperti suara dan alat kelamin.
- ii. Identiti kendirinya tidak serasi dengan identiti fizikalnya, ia merasakan dirinya itu sebagai seorang perempuan tetapi di dalam masa yang sama identiti fizikalnya lebih menunjukkan ciri-ciri lelaki.

¹⁴⁸ Wan Azmi Ramli (1991), *op.cit* , h. 7

¹⁴⁹ Benjamin (1953), *Transexualism: The American Journal of Nursing*, j. 73, h. 461-467

¹⁵⁰ Prof Madya Dr. Wan Halim Othman (1987), *op.cit*. h. 21

- iii. Pada pandangannya, identiti fizikalnya cukup menunjukkan ciri-ciri seorang perempuan tetapi orang lain mempunyai pandangan yang berbeza.
- iv. Ia ingin bermesra dengan seorang lelaki sedangkan identiti fizikalnya juga sebagai seorang lelaki.

Jelasnya, dilema untuk menentukan identiti merupakan satu punca tekanan jiwa yang sangat berat. Mereka ingin membuat pilihan untuk menjadi perempuan sejati tetapi anggota fizikalnya mirip kepada lelaki yang tidak dapat diubah sehingga timbul perasaan benci kendiri. Manusia memerlukan kepastian untuk hidup. Oleh itu, Mak Nyah merasakan semua ini menimbulkan dilema yang berat di dalam jiwa mereka.

b) Mengamalkan ibadah dalam Islam

Menurut Ibn Manzur, perkataan ibadah (al-'ibadah) bererti taat yang disertakan dengan kerendahan diri.¹⁵¹ Ibn Taymiyyah menjelaskan ibadat ialah satu perkataan yang mengandungi semua perbuatan yang disukai dan direhui oleh Allah. Ia terdapat dalam segala perkataan dan perbuatan, sama ada lahir atau batin.¹⁵²

¹⁵¹ Ibn Manzur (t.t), *op.cit*, j. 3, h. 273

¹⁵² Ibn Taymiyyah, Taqyuddin Ahmad ibn Abd al-Halim (1399H), *al-'Ubadiyyah*, Beirut: al Maktab al-Islami, h. 38

Dalam hal ini, Mak Nyah menghadapi beberapa dilema ketika mengerjakan ibadah dalam Islam seperti sembahyang iaitu dalam menentukan pakaian sembahyang. Mereka merasa janggal untuk berpakaian seperti lelaki semasa menunaikan sembahyang kerana kebiasaannya mereka berpakaian perempuan.¹⁵³ Menurut Mona (nama samaran), beliau sering mengalami dilema dalam menentukan pakaian ketika hendak mengerjakan sembahyang Jumaat.¹⁵⁴

Menurut Hana (nama samaran) pula, beliau merasa janggal berdiri dan duduk dalam saf yang sama dengan lelaki semasa sembahyang jemaah di masjid kerana kebiasaannya beliau bergaul dengan perempuan tambahan pula tubuhnya seperti perempuan.¹⁵⁵

Selain daripada itu ada di kalangan Mak Nyah muslim yang merasakan mereka tidak layak untuk mengerjakan ibadat disebabkan perkara maksiat yang dilakukannya. Mereka merasakan diri mereka kotor dengan dosa yang dilakukan. Mereka berpendapat, ibadat mereka tidak diterima oleh Allah kerana mereka telah melakukan terlalu banyak maksiat.¹⁵⁶

¹⁵³ Wan Azmi Ramli (1991), *op.cit*, h. 18

¹⁵⁴ Mona (nama samaran), temubual pada 12 Januari 2002

¹⁵⁵ Hana (nama samaran), temubual pada 12 Januari 2002

¹⁵⁶ Wan Azmi Ramli (991), *op.cit* , h. 18

Dilema lain ialah persoalan adakah mereka boleh berkahwin dengan lelaki setelah mereka melakukan pembedahan pertukaran jantina.¹⁵⁷ Menurut Ika (nama samaran), beliau telah melakukan pembedahan jantina di Thailand dan ingin melangsungkan perkahwinan tetapi belum pasti sama ada sah atau tidak perkahwinannya nanti. Beliau ingin berkahwin jika lau dibenarkan oleh undang-undang dan agama walaupun beliau mengetahui bahawa tidak mampu mempunyai anak hasil perkahwinan itu.¹⁵⁸

Jelasnya, mereka ingin mengamalkan Islam namun mereka sering terperangkap dalam menentukan kehendak naluri dan kehendak hukum Islam. Ini mengantui mereka setiap kali mahu mengamalkan ibadat dalam Islam. Justeru itu mereka sering mengambil jalan mudah dengan mengenepikan undang-undang dan agama.

c) Penerimaan keluarga

Keluarga merupakan unit asas bagi pembentukan individu, masyarakat dan negara.¹⁵⁹ Keluarga juga merupakan unit terkecil yang akan membentuk serta

¹⁵⁷ Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid (1987), *op.cit*, h. 18

¹⁵⁸ Ika (nama samaran), temubual pada 12 Januari 2002

¹⁵⁹ Asmah Bee Mohd Noor (2000), "Peranan Institusi Keluarga Dalam Menangani Masalah Remaja", dalam Fariza Md. Sham, *et al* (ed), *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 118.

mewujudkan sebuah masyarakat yang bahagia dan dihormati.¹⁶⁰ Justeru itu penerimaan keluarga terhadap Mak Nyah muslim perlu bagi membina keyakinan diri mereka. Pada peringkat awalnya kebanyakan ibu bapa sukar menerima hakikat anak mereka manjadi Mak Nyah tetapi lama kelamaan mereka terpaksa menerima hakikat ini apabila tiada sebarang perubahan pada anak mereka untuk kembali kepada identiti asal semasa dilahirkan iaitu lelaki.¹⁶¹

Menurut kajian terhadap 132 orang Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur, terdapat 75 % terpaksa lari dari rumah kerana keluarga tidak dapat menerima identiti Mak Nyah. Menurut Ruhil (nama samaran), beliau terpaksa lari dari rumah pada waktu malam kerana dihalau oleh keluarganya, walaubagaimanapun setelah lapan tahun tidak bertemu, keluarganya dapat menerimanya semula.¹⁶² Jika dikaji penerimaan di kalangan saudara-saudara mereka, didapati adik-beradik perempuan lebih mudah menerima Mak Nyah jika dibandingkan dengan adik-beradik lelaki.¹⁶³

Sebenarnya sikap keluarga yang terlalu menentang kehadiran Mak Nyah dalam keluarga boleh memberi kesan negatif kepada jiwa Mak Nyah. Adalah lebih baik keluarga itu cuba memahami keadaan mereka, menasihati dan memperuntukkan masa serta berbincang bagi menyelesaikan dilema ini.

¹⁶⁰ Dr Hasan Hj. Mohd Ali (1994), *Senarai Semakan (Checklist) Keluarga Bahagia* Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services Sdn Bhd, h. 1

¹⁶¹ Khairuddin Yusof, Low Wah Yun, Wong Yat Lin (1987) *op.cit*, h. 27

¹⁶² Ruhil (nama samaran), temubual pada 12 Januari 2002

¹⁶³ Khairudin Yusof, Low Wah Yun, Wong Yat Lin (1987), *op.cit*. h. 27

d) Penerimaan masyarakat

Mengikut tanggapan umum Mak Nyah muslim, masyarakat umum tidak dapat menerima kewujudan golongan ini. Kebanyakan daripada Mak Nyah muslim mendedahkan bahawa mereka dihina dan dipersendakan oleh masyarakat umum. Menurut Norma (nama samaran), ada di kalangan masyarakat menganggap penampilan mereka berbeza, aneh dan ganjil dari masyarakat lain lalu sering mentertawakannya. Mereka memandang rendah terhadap Mak Nyah malah kadang-kadang mengherdik dan memperkecil-kecilkan Mak Nyah.¹⁶⁴

Menurut Wan Halim Othman, masyarakat sebenarnya sedar bahawa terdapat sekumpulan manusia yang tidak boleh dikategorikan sebagai lelaki atau perempuan yang sempurna tetapi masyarakat umumnya seolah-olah tidak mahu berhadapan dengan hakikat ini. Masyarakat umumnya ingin menganggap bahawa hanya terdapat dua jenis kategori manusia sahaja walaupun ajaran Islam ada menyebut dan mengiktiraf kehadiran pihak ketiga yang kedudukannya adalah di antara kedua-dua kategori utama itu.

Justeru itu, masyarakat seringkali menunjukkan respon yang berbagai-bagai tetapi majoritinya tidak dapat menerima kehadiran mereka sebagai golongan ketiga. Selalunya mereka dihina dan dipandang serong kerana diri mereka yang begitu

¹⁶⁴ Norma (nama samaran), temubual pada 12 Januari 2002

mengelirukan. Namun begitu tidak kurang juga yang simpati dengan golongan ini dan berusaha membantu mereka dari sudut kerjaya dan kaunseling.¹⁶⁵

Menurut Maya (nama samaran), masyarakat di sekitar kediamannya sering mengabaikannya dalam jemputan majlis kenduri malah menuduhnya sebagai punca keruntuhan sosial masa kini.¹⁶⁶ Menurut Wan Azmi Ramli, penyisihan dari kalangan masyarakat semakin ketara apabila media massa menyebarkan berita tentang AIDS dan faktor penyebab serta risiko yang dialami oleh pengidap AIDS tersebut.¹⁶⁷

Oleh kerana sebahagian besar Mak Nyah mengamalkan homoseks yang menjadi salah satu punca yang menyebabkan penyakit ini, maka mereka dianggap punca penyakit ini. Lantaran itu mereka terus menjadi sasaran umpat keji masyarakat seolah-olah tidak ada tempat di hati masyarakat.

Sebenarnya kebanyakan masyarakat masih terkeliru untuk menerima hakikat kewujudan Mak Nyah dalam dunia ini walaupun ada di kalangan masyarakat boleh menerima malah dianggap sebahagian dari masyarakat umum. Dalam hal ini, sikap Mak Nyah sendiri yang menyebabkan masyarakat terus memandang serong terutamanya apabila Mak Nyah terlibat dalam kegiatan homoseksual.

¹⁶⁵ Wan Azmi Ramli (1991), *op.cit.* h. 112

¹⁶⁶ Maya (nama samaran), temubual pada 12 Januari 2002

¹⁶⁷ Wan Azmi Ramli (1991), *op.cit.* h. 11

e) Undang-undang negara

Undang-undang adalah suatu peraturan yang digubal oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat berkenaan.¹⁶⁸ Negara pula bermaksud suatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan.¹⁶⁹ Dalam hal ini, undang-undang negara dengan jelas membezakan di antara lelaki dan perempuan berdasarkan butir-butir peribadi sebagaimana yang direkodkan di dalam surat beranak dan kad pengenalan. Dari sinilah identiti seseorang itu dirujuk di dalam menentukan jantina bagi segala urusan seperti lesen memandu, sijil, dokumen dan sebagainya.

Dalam hal ini, Perkara 8 Perlembagaan Malaysia tidak melarang diskriminasi terhadap jantina. Oleh itu, diskriminasi berdasarkan jantina dibenarkan dan tidak bercanggah dengan perlembagaan. Terdapat tidak kurang 56 Akta berbagai pertubuhan undang-undang yang membezakan wanita atas alasan jantina. Namun demikian, tidak terdapat satu undang-undang pun yang memberi definisi jantina lelaki atau perempuan. Mungkin negara menganggap bahawa undang-undang tidak memerlukan takrif kerana semua orang tahu apa itu lelaki dan apa itu perempuan. Hingga kini, undang-undang negara masih tidak mengiktiraf jantina ketiga ini,

¹⁶⁸ *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1998), *op.cit*, h.1519

¹⁶⁹ *Ibid*, h. 924

bahkan terdapat undang-undang negeri yang menganggap jantina ketiga atau Mak Nyah sebagai suatu yang jelek dan hina.¹⁷⁰

Justeru itu, Mak Nyah berada dalam dilema kerana walaupun dari segi biologinya mereka masih lagi seorang lelaki dan pengenalan mereka adalah lelaki tetapi perwatakan mereka seperti seorang perempuan.¹⁷¹

Jelasnya, undang-undang negara sehingga kini hanya mengiktiraf dua jantina sahaja iaitu lelaki dan perempuan. Tiada peruntukan khas kepada golongan ini sehingga kini.

e) Mendapatkan Pekerjaan

Pekerjaan bermaksud suatu usaha yang dilakukan berterusan untuk keperluan hidup.¹⁷² Justeru itu setiap manusia memerlukan pekerjaan untuk memperolehi sumber kewangan bagi memenuhi keperluan hidup.

Dalam hal ini, Mak Nyah menghadapi dilema dalam mendapatkan pekerjaan terutamanya ketika memperkenalkan diri mereka semasa sesi temuduga. Sebilangan besar mereka gagal mendapat pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta samada mereka

¹⁷⁰ Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid (1987), “ Ke Arah Menentukan Identiti Dan Status Mak Nyah Dalam Masyarakat”, (*Kertas Kerja Seminar Mak Nyah di Universiti Malaya, 24-25 Oktober 1987*), h.5

¹⁷¹ Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid (1987), *Ibid*, h. 6

¹⁷² Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), *op.cit* , h. 655

berpakaian lelaki ataupun perempuan. Fenomena ini menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk bekerja sendiri seperti mengandam, bermiaga dan menjadi pelacur.¹⁷³

Menurut Nasha (nama samaran), beliau telah beberapa kali menghadiri sesi temuduga tetapi mengalami kegagalan kerana gaya penampilannya. Justeru itu ia telah membuka perniagaan sendiri dengan menjual pakaian yang diimport dari Thailand.¹⁷⁴

Menurut Nina (nama samaran) pula, beliau mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan memohon jawatan sebagai kerani di salah sebuah bank, tetapi permohonannya ditolak semasa sesi temuduga kerana penampilan dan suaranya yang mirip kepada perempuan.¹⁷⁵ Kebanyakan majikan hanya mahukan tenaga kerja dari golongan lelaki atau perempuan dan bukannya Mak Nyah. Oleh itu kalau ada di kalangan mereka berjaya mengaburi mata majikannya maka mereka juga sering dicengkam perasaan cemas jika identiti mereka diketahui dan mereka dibuang kerja. Oleh itu rahsia mereka dikawal seketat-ketatnya dengan perasaan takut, was-was dan ragu sekalipun dari segi kebolehan dan keupayaannya setanding dengan pekerja-pekerja yang lain.¹⁷⁶

¹⁷³ Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid (1987) *Ibid.* h. 7

¹⁷⁴ Nasha (nama samaran), temubual pada 12 Januari 2002

¹⁷⁵ Nina (nama samaran), temubual pada 12 Januari 2002

¹⁷⁶ Wan Azmi Ramli (1991), *op.cit*, h. 79

Sebenarnya, kesukaran mendapatkan pekerjaan mendorong mereka melakukan pekerjaan yang bercanggah dengan agama semata-mata untuk mendapatkan sumber kewangan kerana terpaksa. Lantaran itu Mak Nyah sentiasa menghadapi dilema sama ada bekerja atau terlibat dalam kegiatan tidak bermoral kerana dicengkam perasaan takut dan tidak selesa.

Berdasarkan dilema yang dihadapi Mak Nyah di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa mereka sering berdepan dengan pelbagai konflik dalaman dan luaran sama ada dengan diri sendiri mahupun dengan orang lain dan undang-undang. Tekanan yang dihadapi menyebabkan pemikiran Mak Nyah tidak stabil lalu sering mengambil mudah setiap perkara walaupun itu merupakan tuntutan agama. Dilema ini berterusan sehingga Mak Nyah muslim berjaya meyakinkan diri mereka adalah sebenarnya seorang lelaki.

2.2.4 Profil Mak Nyah Muslim Di Kuala Lumpur

Menurut Kamus Dewan, profil bermaksud bentuk atau gambaran yang menunjukkan sesuatu sebagaimana yang dilihat pada masa tertentu.¹⁷⁷ Kajian ini akan melihat profil Mak Nyah Muslim di Kuala Lumpur dari beberapa sudut iaitu peringkat umur, taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan bulanan, lokasi kediaman, jenis kediaman, negeri asal, peringkat umur menjadi Mak Nyah, sebab dan kesan menjadi Mak Nyah. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih mendalam mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan kehidupan golongan Mak Nyah supaya dapat dijadikan panduan dalam merancang serta mempertingkatkan imej dan keupayaan Mak Nyah dalam masyarakat umum. Kajian ini akan menggunakan kaedah *sampling* yang mana seramai 132 orang responden telah diberikan borang soal selidik bagi mewakili Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur yang dianggarkan seramai lebih 3000 orang..

Jadual 2.2.4.1 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Peringkat Umur

Peringkat Umur	Bilangan	Peratus
5 – 20	16	12.1
21 – 30	76	57.6
31 – 40	20	15.1
41 – 50	12	9.1
51 – 60	8	6.1
Jumlah	132	100

¹⁷⁷ Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), op.cit, h. 1057

Berdasarkan jadual di atas, sebilangan besar Mak Nyah muslim iaitu 96 orang (72.7 %) adalah dalam lingkungan umur 21-40 tahun dan lebih daripada separuh, iaitu 76 orang (57.6 %) adalah antara umur 21-30 tahun. Ini kerana Mak Nyah muslim merasakan paling bebas dan selesa menonjolkan identiti masing-masing di peringkat umur ini. Pada umur yang lebih awal, mereka mungkin belum bekerja dan masih tinggal dengan ibu bapa mereka dan oleh kerana itu, mereka tidak mendapat kebebasan sepenuhnya untuk melakukan sesuatu menurut perasaan hatinya.

Bilangan Mak Nyah muslim yang melebihi umur 41 tahun pula semakin berkurang, iaitu 20 orang (15.2 %) sahaja. Ia mempunyai beberapa sebab kenapa mereka tidak lagi menganggap diri mereka sebagai Mak Nyah. Satu daripadanya adalah kematangan diri dan keinginan untuk kembali hidup bersama keluarga setelah meninggalkan keluarga pada masa yang lalu. Disamping itu mereka telah mula berjinak-jinak dengan dakwah Islam yang melarang mereka mengekalkan penampilan yang berbeza daripada identiti asal. Tambahan pula, mereka yang bekerja dengan kerajaan atau swasta ingin terus mengekalkan pekerjaannya dan tidak membenarkan mereka bebas berpakaian mengikut keinginan mereka.

Jadual 2.2.4.2 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratus
Darjah enam	20	15.2
LCE / SRP / PMR	24	18.2
MCE / SPM / SPMV	76	57.6
Diploma	8	6.0
Ijazah	4	3.0
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, kebanyakan Mak Nyah muslim berpendidikan sehingga ke peringkat MCE/SPM/SPMV sahaja, iaitu 76 orang (57.6 %). Manakala 44 orang (33.4 %) pula hanya berpendidikan rendah, sama ada diperingkat LCE/SRP/PMR atau darjah enam sahaja. Mak Nyah muslim yang berpendidikan tinggi sama ada di peringkat diploma atau ijazah menunjukkan peratusan yang kecil iaitu 9.0% (12 orang) sahaja. Ini adalah kerana kebanyakan mereka tidak mahu meneruskan pelajaran kerana mahu hidup bebas dari kongkongan keluarga. Ini sebagai satu langkah untuk memisahkan diri dari keluarga dan dapat menonjolkan identiti yang diingini. Mak Nyah muslim yang berjaya meneruskan pengajian di peringkat tinggi itu adalah atas desakan keluarga dan datang dari keluarga yang berada. Justeru itu tahap pendidikan mempengaruhi bidang pekerjaan yang akan diceburinya.

Jadual 2.2.4.3 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Bidang Pekerjaan

Bidang Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Tukang Masak	5	3.8
Jurusolek	8	6.1
Berniaga	35	26.5
Kerajaan	4	3.0
Sendiri	80	60.6
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, 80 orang (60.6 %) Mak Nyah muslim menyatakan mereka bekerja sendiri dan 35 orang (26.5 %) dari kalangan mereka menceburti bidang perniagaan. Sebilangan kecil dari mereka pula, bekerja dengan kerajaan iaitu 4 orang (3.0 %), manakala yang bekerja sebagai tukang masak seramai 5 orang (3.8 %)

dan selebihnya 8 orang (6.1 %) bekerja sebagai jurusolek. Situasi ini menggambarkan bahawa sebilangan besar Mak Nyah muslim tidak bekerja dengan majikan tetapi mencebur i bidang perniagaan dan bekerja sendiri seperti menjahit, mengandam dan menjadi pelacur. Ini adalah kerana sikap diskriminasi sesetengah majikan yang menganggap golongan ini tidak layak bekerja dan boleh menjatuhkan imej syarikat sahaja walaupun kelayakan dan kemampuan mereka untuk bekerja sama seperti orang lain. Justeru itu mereka begitu gigih mengikuti latihan kemahiran dan perniagaan seperti jahitan aneka fesyen, solekan, mengandam, memasak kerana mereka berazam memperolehi kemahiran dan perniagaan sendiri bagi menjamin masa depan mereka.

Jadual 2.2.4.4: Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Pendapatan Bulanan

Pendapatan Bulanan (RM)	Bilangan	Peratus
< 1000	32	24.2
1000-2000	83	62.9
2000-3000	10	7.6
3000-4000	5	3.8
>4000	2	1.5
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, kebanyakan Mak Nyah muslim memperolehi pendapatan bulanan yang stabil, iaitu 100 orang (75.8 %) memperolehi pendapatan melebihi dari RM1000 sebulan. 83 orang (62.9 %) daripadanya memperolehi pendapatan antara RM1000-RM 2000 sebulan manakala pendapatan antara RM 2000-RM3000 ialah 10 orang (7.6 %) dan selebihnya 5 orang (3.8 %) memperolehi pendapatan antara RM3000-RM4000 sebulan manakala 2 orang (1.5 %) pula memperolehi pendapatan melebihi RM4000 sebulan. Hanya 32 orang (24.2 %) sahaja

pendapatan bulanannya kurang dari RM1000 sebulan. Ini menggambarkan kegigihan golongan ini dalam kegiatan ekonomi walaupun mereka disisihkan dari mendapat pekerjaan yang sewajarnya. Tambahan pula ramai di kalangan Mak Nyah muslim yang telah berjaya dalam bidang perniagaan dan ini menjadi pendorong kepada generasi kemudian untuk terlibat dalam kegiatan yang sama. Justeru itu, mereka memperolehi bimbingan dan dorongan dari kalangan mereka sendiri. Oleh kerana kerjaya yang mereka ceburi memerlukan komitmen pada setiap masa, maka jadual di bawah menunjukkan waktu bekerja bagi golongan ini.

Jadual 2.2.4.5 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Waktu bekerja

Peringkat Umur	Jumlah	Peratus
Malam	32	24.2
Siang	38	28.8
Tidak menentu	62	47.0
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, sebahagian besar Mak Nyah muslim bekerja pada waktu yang tidak menentu, iaitu 62 orang (47.0 %), manakala 38 orang (28.8 %) pula menyatakan bekerja pada waktu siang dan selebihnya, iaitu 32 orang (24.2 %) bekerja pada waktu malam. Keadaan ini menggambarkan pekerjaan yang dilakukan menuntut komitmen pada bila-bila masa sahaja. Tambahan pula, keperluan perbelanjaan di Kuala Lumpur memerlukan mereka bekerja lebih masa untuk menampung keperluan harian yang tinggi. Bagi mereka yang bekerja sendiri dan berniaga pula, mereka perlu memberikan komitmen pada setiap masa untuk menjamin kerjaya yang diceburi tidak mengalami kegagalan.

Jadual 2.2.4.6 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Jenis Kediaman

Jenis Kediaman	Jumlah	Peratus
Kondominium	12	9.1
Apartmen	62	47.0
Rumah teres	22	16.7
Rumah pangsa	34	25.7
Banglo	2	1.5
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, kebanyakan Mak Nyah muslim (47.0 %) di Kuala Lumpur tinggal di apartment. Manakala 25.7 % pula tinggal di rumah pangsa dan 16.7 % pula tinggal di rumah teres. Ada di kalangan Mak Nyah yang tinggal di kediaman yang mewah iaitu kondominium (9.1 %) dan banglo (1.5%). Situasi ini menggambarkan jenis kediaman Mak Nyah muslim di Kuala Lumpur adalah sederhana. Ini juga berpunca dari faktor ekonomi dan kerjaya yang diceburi.

Selain dari itu, sikap mereka sendiri yang lebih selesa mendiami tempat tinggal di mana masyarakat kurang mengambil peduli tingkahlaku jiran yang lain. Keadaan sedemikian mungkin berpunca daripada sikap masyarakat yang rata-rata melihat kumpulan ini dari sudut pandangan yang serong dan negatif serta prasangka terhadap kehidupan mereka. Dalam hal ini, mereka turut memilih lokasi kediaman yang sesuai untuk menjamin penampilan mereka tidak disalah anggap sebagaimana jadual di bawah.

Jadual 2.2.4.7 : Profil Mak Nyah muslim mengikut lokasi kediaman

Lokasi Kediaman	Jumlah	Peratus
Ampang	20	15.1
Chow Kit	44	33.3
Kg. Baru	16	12.1
Cheras	10	7.6
Sentul	10	7.6
Jalan Ipoh	12	9.1
Setapak	10	7.6
Pantai Dalam	5	3.8
Bangsar	5	3.8
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, secara keseluruhan Mak Nyah muslim tinggal di semua lokasi di Kuala Lumpur. Walaubagaimana pun kebanyakannya mereka lebih suka tinggal di sekitar bandaraya seperti Chow Kit, iaitu 44 orang (33.3 %), 16 orang (12.1 %) di Kg. Baru dan 12 orang (9.1 %) di Jalan Ipoh. Terdapat juga dari kalangan mereka yang tinggal di kawasan lain seperti Ampang (20 orang), Cheras, Sentul dan Setapak iaitu seramai 10 orang (7.6%), manakala Pantai Dalam dan Bangsar, masing-masing 5 orang (3.8 %).

Fenomena ini memperkuatkan pendapat di atas, iaitu pemilihan lokasi kediaman bergantung kepada suasana masyarakat. Tambahan pula, bagi mereka yang bekerja sendiri, kediaman mereka sering dijadikan sebagai premis perniagaan.

Jadual 2.2.4.8: Profil Mak Nyah muslim mengikut negeri asal

Negeri asal	Jumlah	Peratus
Kedah	21	15.9
Perlis	5	3.8
Perak	26	19.7
P. Pinang	6	4.5
Pahang	2	1.5
Terengganu	3	2.3
Kelantan	12	9.1
Johor	30	22.7
Selangor	6	4.5
Melaka	2	1.5
Kuala Lumpur	4	3.1
Sabah	5	3.8
Sarawak	8	6.1
Negeri Sembilan	2	1.5
Jumlah	132	100

Berdasarkan jadual di atas, Mak Nyah muslim berasal daripada semua negeri di Malaysia. Perangkaan yang diperolehi menunjukkan kebanyakan mereka berasal dari negeri Johor, iaitu 30 orang (22.7 %), Perak, 26 orang (19.7 %) dan Kedah, 21 orang (15.9 %). Mak Nyah muslim juga berasal dari negeri-negeri lain tetapi jumlahnya tidak terlalu ramai. Situasi ini menggambarkan sebahagian besar daripada kumpulan Mak Nyah muslim yang berada di Kuala Lumpur merupakan mereka yang berhijrah dari negeri-negeri lain. Hanya 3.1 % (4 orang) sahaja daripada mereka yang berasal dari Kuala Lumpur.

Jadual 2.2.4.9 : Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Peringkat Umur Mula Menjadi Mak Nyah

Peringkat Umur	Jumlah	Peratus
5–10 tahun	60	45.4
11–15 tahun	10	7.6
16–20 tahun	40	30.3
21–30 tahun	22	16.7
Jumlah	132	100

Jadual di atas menunjukkan 60 orang (45.4 %) daripada Mak Nyah muslim menyatakan peringkat umur mula menjadi Mak Nyah ialah ketika berusia antara 5–10 tahun. Manakala peringkat umur antara 21–30 tahun iaitu 22 orang (16.7 %) dan peringkat umur antara 11–15 tahun, iaitu 10 orang (7.6 %) sahaja. Fenomena ini menunjukkan kecelaruan jantina mulai berlaku di peringkat kanak-kanak lagi di mana seseorang itu masih belum boleh memahami apakah yang sedang berlaku kepada dirinya. Keadaan ini juga menunjukkan, ketidakprihatinan ibu bapa terhadap perubahan yang berlaku kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi.

Sebahagian mereka pula menyatakan, penampilan diri sebagai Mak Nyah bermula pada usia sekitar 16–20 tahun iaitu, 40 orang (30.3 %). Ini adalah kerana, pada usia begini, mereka sudah mampu berdikari selepas menamatkan pelajaran diperingkat SPM/SPMV. Tambahan pula mereka tidak lagi tinggal bersama keluarga untuk mencari pekerjaan di bandar. Jelasnya, peringkat umur mula menjadi Mak Nyah bergantung kepada sejauhmana bimbingan dan pengawasan ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Jadual di bawah menunjukkan pula sebab-sebab yang mendorong mereka menjadi Mak Nyah.

Jadual 2.2.4.10: Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Sebab Menjadi Mak Nyah

Sebab Menjadi Mak Nyah	Jumlah	Peratus
Pengaruh rakan	5	3.8
Dorongan Naluri	110	83.3
Sikap Ibu bapa	8	6.1
Pengalaman buruk masa lalu	5	3.8
Keturunan	2	1.5
Semulajadi	2	1.5
Jumlah	132	100

Bancian di atas menunjukkan bahawa 110 orang (83.3 %) dari golongan ini mengakui bahawa dorongan naluri menjadi penyebab utama mereka menjadi Mak Nyah. Ini diikuti oleh sikap ibu bapa 6.1 %, pengaruh rakan dan pengalaman buruk masa lalu, iaitu 3.8 % manakala sebab keturunan dan semulajadi pula sebanyak 1.5 %. Keadaan ini menggambarkan kecelaruan jantina ini berpunca dari dalam diri sendiri sama ada terpengaruh dengan pembelajaran, persekitaran dan fisiologi. Ketiga-tiga ini merupakan agen yang merupakan pendorong naluri seseorang. Mereka juga memilih untuk menjadi Mak Nyah untuk melupakan kenangan buruk mahupun mencari keseronokan dengan cara ini.

Jadual 2.2.4.11: Profil Mak Nyah Muslim Mengikut Kesan Menjadi Mak Nyah

Kesan Menjadi Mak Nyah	Jumlah	Peratus
Terpaksa lari dari rumah	15	11.4
Sukar mendapat pekerjaan	5	3.8
Menghadapi masalah kewangan	5	3.8
Menghadapi tekanan emosi	103	78.0
Lebih berjaya dalam hidup	2	1.5
Dapat membantu keluarga	2	1.5
Jumlah	132	100

Jadual di atas menunjukkan, 103 orang (78.0 %) daripada golongan ini menghadapi tekanan emosi apabila mereka menjadi Mak Nyah. Seramai 15 orang (11.4 %) lagi terpaksa lari dari rumah, seramai 5 orang (3.8 %) pula menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan dan mengalami masalah kewangan manakala 2 orang (1.5 %) yang lain menyatakan lebih berjaya dalam hidup dan dapat membantu keluarga bila mereka menjadi Mak Nyah.

Walaupun mereka membuat pilihan sendiri untuk menjadi Mak Nyah, tetapi ia tidak dapat lari dari menghadapi tekanan emosi yang melibatkan keseluruhan hidup mereka. Ini berikutan identiti fizikal yang ketara sebagai seorang lelaki, sedangkan keinginan mereka untuk menjadi perempuan sejati. Keadaan ini tambah meruncing lagi apabila keluarga tidak dapat menerima penampilan mereka malah mereka dipandang serong oleh masyarakat. Mereka juga menghadapi kegagalan dalam percintaan dan diancam oleh undang-undang agama dan negara. Situasi yang begitu rumit sering membelenggu dan menghantui golongan minoriti ini menyebabkan mereka sering menghadapi tekanan emosi.

Sebagai kesimpulan kepada bab ini, Kuala Lumpur terus menjadi tumpuan ramai kerana pembangunannya yang pesat dan banyak membuka peluang perniagaan kepada masyarakat. Kuala Lumpur menjadi pilihan masyarakat umum termasuklah golongan Mak Nyah muslim mencuba nasib di kota metropolitan. Mak Nyah sebenarnya seorang lelaki dan sewajarnya semua bentuk perhubungan sama ada dari segi keistimewaan dan tanggungjawab adalah sebagai lelaki. Keadaan kontroversi yang mereka hadapi akan dapat diatasi melalui bimbingan yang berkesan, penglibatan semua pihak dalam usaha membantu dan penglibatan mereka sendiri dalam semua aspek kehidupan sebarang diskriminasi.

Memandangkan dari segi pandangan agama dan segala aktiviti golongan ini salah, maka usaha dakwah perlu dilakukan untuk menghalang perbuatannya malah mereka perlu didampingi supaya dapat mengembalikan keyakinan bahawa dirinya adalah seorang lelaki dan mereka boleh hidup seperti orang lain. Pendek kata,

penyelesaian masalah ini memerlukan komitmen semua pihak memandangkan ia adalah suatu masalah yang kompleks. Situasi ini memberi tekanan emosi kepada golongan ini yang kebanyakannya adalah muslim, maka langkah-langkah untuk mengatasinya perlu dititikberatkan kerana ia memberi kesan buruk kepada kesihatan jiwa individu secara keseluruhannya. Semua aspek penilaian terhadap masalah ini sama ada dari sudut sosial, psikologi, perubatan dan undang-undang mestilah dilihat dari kacamata Islam yang merupakan sistem hidup yang menyeluruh.